

DRAF 2 Standard Pekebun Kecil Bebas (ISH) RSPO 2023

Tempoh ulasan awam: 1 Jun hingga 30 Jun 2023

NOTA.

Draf 2 RSPO ISH Standard 2023 ini ialah:

- 1) Dimaksudkan untuk komen umum dan TIDAK digunakan untuk pemeriksaan pematuhan pelaksanaan.
- 2) Pendekatan Bertahap untuk Sertifikasi ISH bukan untuk diberi komen.
- 3) Prinsip, Kriteria, Indikator dan Sistem Kawalan Dalaman (ICS), termasuk senarai definisi dan Lampiran 2 Deklarasi Pekebun Kecil untuk Standard ISH boleh disemak semula dan terbuka untuk komen umum.
- 4) Rujuk lajur bertulis ([Draf 2\) Teks BIRU](#)).

1 Siapa yang boleh menggunakan Standard PekebunKecil Bebas RSPO untuk memperolehi Pensijilan RSPO

Standard ISH RSPO ini hanya boleh digunakan oleh pekebun kecil yang layak digelar pekebun kecil bebas dan boleh digunakan untuk pengeluaran minyak sawit mampan di seluruh dunia. Pekebun-pekebun kecil boleh terdiri daripada lelaki atau wanita. Pekebun kecil boleh memperolehi pensijilan melalui Standard ISH RSPO jika:

- Mereka BUKAN pekebun kecil skim (lihat definisi Lampiran 1)..
- Saiz keseluruhan kawasan tanaman kelapa sawit mereka ialah
 - Kurang daripada atau bersamaan 50 hektar (ha) jika tiada ambang yang ditetapkan dalam Interpretasi Nasional; ATAU
 - Kurang daripada atau bersamaan saiz maksimum yang ditetapkan dalam Interpretasi Nasional (contohnya bagi negara Indonesia ini bermakna saiz ambang ialah 25 hektar ke bawah dan bagi negara Ecuador 75 hektar ke bawah).
- Mereka mempunyai kuasa untuk membuat keputusan yang boleh dikuatkuasakan berkenaan pengurusan ladang dan amalan pengeluaran.
- Mereka mempunyai kebebasan untuk menentukan bagaimana ladang tersebut digunakan, jenis tanaman yang ditanam dan bagaimana untuk menguruskannya (dan cara mereka mengatur, mengurus dan membiayai ladang tersebut).
- Mereka memenuhi kesemua kriteria selanjutnya yang berkaitan dengan keterterapan standard ini seperti yang ditetapkan dalam Interpretasi Nasional negara mereka.

2 Untuk apa Standard Pekebun Kecil Bebas RSPO boleh digunakan

Standard ISH RSPO membabitkan jumlah keseluruhan plot-plot yang dimiliki oleh seorang pekebun kecil yang digunakan untuk penanaman kelapa sawit, asalkan jumlah kawasan milik pekebun kecil tersebut tidak melebihi saiz ambang (50 hektar atau seperti yang ditetapkan dalam Interpretasi Nasional).

Standard ISH RSPO boleh digunakan untuk:

- Plot-plot sedia ada yang digunakan untuk penanaman kelapa sawit; DAN
- Plot-plot yang diperuntukkan untuk penanaman semula atau penanaman baharu kelapa sawit; DAN
- Plot-plot yang boleh digunakan untuk penanaman baharu kelapa sawit.

Bagaimana untuk menentukan jumlah saiz kawasan pengeluaran kelapa sawit?

- i) Jumlah saiz kawasan pengeluaran kelapa sawit ditentukan dengan mengumpulkannya semua plot-plot yang dimiliki oleh pekebun kecil, tidak kira di mana lokasinya.
- ii) Ini termasuk plot sedia ada dengan penanaman kelapa sawit dan juga kawasan-kawasan yang tersedia untuk penanaman semula, atau kawasan yang diperuntukkan untuk penanaman baharu kelapa sawit, yang dimiliki oleh seorang pekebun kecil individu didalam atau di luar unit pensijilan (contohnya kumpulan yang dianggotai oleh pekebun kecil berkenaan).
- iii) Ini bermakna jika seseorang pekebun kecil memiliki dan mengendalikan plot-plot kelapa sawit di luar kumpulan (unit pensijilan) yang diperakui, walaupun plot ini beradadi dalam kampung atau wilayah yang lain, ia juga dikira sebagai sebahagian daripada.

Prinsip 1: Mengoptimumkan daya pengeluaran, kecekapan, impak positif dan daya tahan

Kriteria		Penunjuk					
(Draf 2)	(ISH 2019)	Peringkat Kelayakan (E) (Draf 2)	Peringkat Kelayakan (E) (ISH 2019)	Peringkat Penting A (MS A) (Draf 2)	Peringkat Penting A (MS A) (ISH 2019)	Peringkat Penting B (MS B) (Draf 2)	Peringkat Penting B (MS B) (ISH 2019)
1.1 Pekebun kecil menubuhkan sebuah entiti sah yang bebas daripada syarikat pengilang dan yang mempunyai kapasiti organisasi untuk mematuhi Standard ISH RSPO	1.1 Pekebun kecil menubuhkan entiti sah yang mempunyai keupayaan organisasi untuk mematuhi Standard ISH RSPO	1.1 E Entiti yang berdaftar secara sah mempunyai bukti berdokumen yang termasuk: (i) Penubuhan mengikut undang-undang (mengikut keperluan negara) (ii) Adil dan telus dalam membuat keputusan dan tadbir urus (iii) Dokumen tambahan mengikut keperluan bagi Penubuhan dan Pengurusan Kumpulan. (iv) Deklarasi Pekebun Kecil yang ditandatangani atau dicap jari daripada semua ahli pekebun kecil (Rujuk Lampiran 2).	1.1 E Entiti yang berdaftar secara sah mempunyai bukti berdokumen yang merangkumi: 1. Pembentukan sah (seperti yang ditentukan oleh negara masing-masing) 2. Sistem membuat keputusan dan tadbir urus yang adil dan telus 3. Dokumen tambahan seperti yang diperlukan untuk Pembentukan dan Pengurusan Kumpulan 4. Deklarasi Pekebun Kecil yang ditandatangani atau dicap ibu jari daripada semua ahli pekebun kecil. (Rujukan Lampiran 2)	1.1 MS A Pengurus kumpulan dan ahli kumpulan mempunyai Sistem Kawalan Dalaman (ICS) yang memenuhi semua Kelayakan ICS dan keperluan MS A (seksyen 3.2 di bawah) dan lengkap menjalani latihan tentang mekanisme penentuan harga kelapa sawit, penentuan kos pengeluaran, pengurusan kewangan, dan amalan terbaik bagi organisasi pekebun kecil.	1.1 MS A Pengurus kumpulan dan ahli kumpulan mempunyai sebuah Sistem Kawalan Dalaman (ICS) yang memenuhi kesemua keperluan ICS Kelayakan dan MS A (lihat bahagian 3.2 di bawah) dan melengkapkan latihan dalam mekanisme penentuan harga minyak sawit, pengurusan kewangan, dan amalan-amalan terbaik untuk organisasi pekebun kecil.	1.1 MS B Kumpulan pekebun kecil beroperasi mengikut amalan pengurusan terbaik untuk kumpulan, termasuk: • Adil dan telus dalam membuat keputusan dan tadbir urus • Pengurusan kewangan.	1.1 MS B Kumpulan pekebun kecil beroperasi menurut amalan-amalan pengurusan terbaik untuk kumpulan, termasuk: • Sistem membuat keputusan dan tadbir urus yang adil dan telus • Pengurusan kewangan yang mampan
1.2 Pekebun kecil mempunyai kapasiti untuk menguruskan kebun mereka dengan berkesan.	1.2 Pekebun kecil mempunyai keupayaan untuk menguruskan ladang mereka dengan berkesan	1.2 E Kumpulan pekebun kecil mempunyai pelan program latihan yang telah dimaklumkan kepada para ahlinya.	1.2 E NA	1.2 MS A Pekebun kecil lengkap menjalani latihan tentang operasi, pemantauan dan perancangan perniagaan kebun. Latihan tersebut merangkumi pembinaan kapasiti tentang penyimpanan rekod pengeluaran, termasuk input, kos, hasil, penggunaan buruh dan data transaksi jualan FFB.	1.2 MS A Pekebun kecil melengkapkan latihan dalam pengendalian, pengawasan dan perancangan perusahaan ladang. Latihan termasuk pembinaan keupayaan dalam penyimpanan rekod untuk pengeluaran, termasuk input dan hasil, urus niaga, dan jenis.	1.2 MS B Pekebun kecil menguruskan kebun mereka dengan berkesan dan menyimpan rekod pengeluaran dan data transaksi semua jualan FFB.	1.2 MS B Pekebun kecil menguruskan ladang mereka dengan berkesan serta mengekalkan rekod pengeluaran dan data urus niaga semua penjualan FFB.
1.3 Pekebun kecil melaksanakan amalan pengurusan terbaik (BMP) di kebun mereka mengikut jumlah topik minimum yang disarankan oleh RSPO.	1.3 Pekebun kecil melaksanakan amalan-amalan pertanian yang baik (GAP) di ladang mereka	1.3 E Pekebun kecil komited untuk melaksanakan amalan pengurusan terbaik di kebun mereka (rujuk Deklarasi Pekebun Kecil, 1.1 E, Lampiran 2)	1.3 E Pekebun kecil komited untuk melaksanakan amalan pertanian baik di ladang mereka. (Rujukan Deklarasi Pekebun Kecil, 1.1 E, Lampiran 2).	1.3 MS A Pekebun kecil lengkap menjalani latihan tentang BMP yang merangkumi amalan pertanian baik (GAP).	1.3 MS A Pekebun kecil melengkapkan latihan dalam GAP.	1.3 MS B Pekebun kecil telah menerima pakai BMP yang merangkumi amalan pertanian yang baik (GAP) di kebun mereka dan menjejak seluruh produktiviti mereka, tetapi tidak terhad kepada rekod jualan FFB.	1.3 MS B Pekebun kecil melaksanakan GAP di ladang mereka dan mengesan produktiviti melalui, tetapi tidak terbatas kepada, rekod penjualan FFB.

Prinsip 2: Memastikan kesahan, hak tanah dihormati dan kesejahteraan komuniti

Kriteria		Penunjuk					
(Draf 2)	(ISH 2019)	Peringkat Kelayakan (E) (Draf 2)	Peringkat Kelayakan (E) (ISH 2019)	Peringkat Penting A (MS A) (Draf 2)	Peringkat Penting A (MS A) (ISH 2019)	Peringkat Penting B (MS B) (Draf 2)	Peringkat Penting B (MS B) (ISH 2019)
2.1 Pekebut kecil mempunyai hak yang sah atau hak adat untuk menggunakan tanah mengikut undang-undang negara dan tempatan, serta amalan adat lazim.	2.1 Pekebut kecil mempunyai hak yang lazim atau sah untuk menggunakan tanah menurut undang-undang tempatan dan negara, dan amalan-amalan lazim.	2.1 E Pekebut kecil menyediakan koordinat atau peta plot mereka dan bukti tentang pemilikan, atau hak untuk menggunakan tanah atau menunjukkan bahawa mereka sedang dalam proses menjadikan hak itu sah di sisi undang-undang. (Rujukan Penunjuk 1.1 E, Lampiran 2).	2.1 E Pekebut kecil mengemukakan koordinat atau peta-peta plot mereka dan bukti hak milik, atau hak untuk menggunakan tanah. (Rujukan Indikator 1.1 E, Lampiran 2)	2.1 MS A Pekebut kecil memberikan koordinat atau peta bagi plot tanah mereka, dan boleh menunjukkan pemilikan yang sah atau hak natif dan/atau hak adat untuk menggunakan tanah tersebut.	2.1 MS A Pekebut kecil boleh menunjukkan hak milik yang sah atau asli dan/atau lazim untuk menggunakan tanah atau menunjukkan bahawa mereka sedang di dalam proses untuk mengesahkan hak tersebut.	2.1 MS B Plot pekebut kecil disempadankan dengan jelas dan nyata dan dikekalkan. Pekebut kecil beroperasi hanya dalam sempadan ini dan boleh menunjukkan pemilikan yang sah atau hak natif dan/atau hak adat untuk menggunakan tanah tersebut.	2.1 MS B Sempadan plot pekebut kecil ditandakan dengan jelas dan nyata serta dikekalkan, dan pekebut kecil hanya beroperasi di dalam sempadan-sempadan berkenaan.
2.2 Pekebut kecil tidak memperoleh tanah daripada orang asal, komuniti tempatan atau pengguna lain tanpa persetujuan bebas, terdahulu dan termaklum (FPIC), berdasarkan satu pendekatan FPIC yang dipermudahkan.	2.2 Pekebut kecil tidak memperoleh tanah daripada masyarakat orang asli, komuniti tempatan atau pengguna yang lain tanpa persetujuan bebas, terdahulu dan berpengetahuan (FPIC), berdasarkan pendekatan FPIC yang dipermudahkan.	2.2 E Bagi plot sedia ada, pekebut kecil boleh menunjukkan bahawa mereka tidak memperoleh tanah tanpa FPIC daripada orang asal, komuniti tempatan atau pengguna lain (rujukan Penunjuk 1.1 E, Lampiran 2).	2.2 E Bagi plot sedia ada, pekebut kecil boleh menunjukkan bahawa mereka tidak memperoleh tanah tanpa FPIC masyarakat orang asli, komuniti tempatan atau pengguna yang lain (Rujukan Indikator 1.1 E, Lampiran 2)	2.2 MS A Sama seperti Peringkat Kelayakan	2.2 MS A Sama seperti Kelayakan	2.2 MS B Sama seperti Peringkat Kelayakan	2.2 MS B Sama seperti Kelayakan
2.3 Hak untuk menggunakan tanah tidak dipertikaikan oleh orang asal, komuniti tempatan atau pengguna lain.	2.3 Hak untuk menggunakan tanah tidak dipertikaikan oleh masyarakat orang asli, komuniti tempatan atau pengguna yang lain	2.3 E Pekebut kecil mengisytiharkan sebarang pertikaian yang wujud berkaitan tanah, komited untuk menyelesaikan pertikaian tersebut, membangunkan satu pelan untuk menangani pertikaian tersebut, termasuk memulakan pemetaan bersama dengan pihak berkepentingan yang berkaitan yang mungkin diperlukan, dan memberikan maklumat tentang status terkini pertikaian itu (jika ada). (Rujukan Penunjuk 1.1 E, Lampiran 2).	2.3 E Pekebut kecil mengisytiharkan sebarang pertikaian sedia ada ke atas tanah berkenaan, komited untuk menyelesaikan pertikaian tersebut dan mengemukakan maklumat tentang status terkini pertikaian tersebut (jika ada) (Rujukan Indikator 1.1 E, Lampiran 2)	2.3 MS A Tiada pertikaian dalam kalangan orang asal, komuniti tempatan atau pengguna lain, berkenaan tanah, penggunaan sumber dan hak terhadap akses; atau apabila ada pertikaian, suatu pelan penyelesaian pertikaian dilaksanakan, dan proses itu diterima oleh semua pihak yang terlibat.	2.3 MS A Tiada pertikaian di kalangan masyarakat orang asli, komuniti tempatan atau pengguna yang lain berkenaan tanah, kegunaan sumber dan hak akses; atau di mana terdapat pertikaian, proses penyelesaian pertikaian dilaksanakan dan diterima oleh semua pihak yang terlibat.	2.3 MS B Sama seperti Peringkat Penting A	2.3 MS B Sama seperti Milestone A
2.4 Plot pekebut kecil terletak di luar kawasan yang dilarang oleh taman negara atau kawasan perlindungan, serta rupa bumi curam, seperti yang ditakrifkan oleh undang-undang negara, rantau atau tempatan, atau seperti yang ditetapkan dalam Interpretasi Nasional.	2.4 Plot pekebut kecil terletak di luar kawasan yang diklasifikasikan sebagai taman negara atau kawasan perlindungan, seperti yang ditetapkan oleh undang-undang tempatan, wilayah atau negara, atau seperti yang dinyatakan dalam Interpretasi Nasional	2.4 E Plot pekebut kecil terletak di luar kawasan yang dilarang oleh taman negara atau pelan pengurusan kawasan perlindungan, seperti yang ditakrifkan oleh undang-undang negara, rantau atau tempatan, atau seperti yang ditetapkan dalam Interpretasi Nasional.	2.4 E Plot pekebut kecil terletak di luar kawasan yang diklasifikasikan sebagai taman negara atau kawasan perlindungan, seperti yang ditetapkan oleh undang-undang tempatan, wilayah atau negara, atau seperti yang dinyatakan dalam Interpretasi Nasional (Rujukan 1.1 E, Lampiran 2).	2.4 MS A Sama seperti Peringkat Kelayakan	2.4 MS A Sama seperti Kelayakan	2.4 MS B Sama seperti Peringkat Kelayakan	2.4 MS B Sama seperti Kelayakan

Prinsip 2: Memastikan kesahan, hak tanah dihormati dan kesejahteraan komuniti

Kriteria		Penunjuk					
(Draf 2)	(ISH 2019)	Peringkat Kelayakan (E) (Draf 2)	Peringkat Kelayakan (E) (ISH 2019)	Peringkat Penting A (MS A) (Draf 2)	Peringkat Penting A (MS A) (ISH 2019)	Peringkat Penting B (MS B) (Draf 2)	Peringkat Penting B (MS B) (ISH 2019)
<p>2.5 Adakah mana-mana pekebun kecil dalam kumpulan tersebut mempunyai pelan untuk penanaman baharu kelapa sawit? Jika tiada, LANGKAU.</p> <p>Untuk penanaman baharu, pekebun kecil tidak membersihkan atau memperoleh mana-mana tanah tanpa mendapatkan FPIC daripada orang asal dan/atau komuniti tempatan dan/atau pengguna lain, berdasarkan satu pendekatan FPIC yang dipermudahkan.</p>	<p>2.5 Adakah mana-mana pekebun kecil di dalam kumpulan mempunyai rancangan untuk penanaman baharu kelapa sawit? Jika tiada, LANGKAU</p> <p>Bagi penanaman baharu, pekebun kecil tidak membersihkan atau memperoleh sebarang tanah tanpa mendapatkan FPIC daripada masyarakat orang asli dan/atau komuniti tempatan dan/atau pengguna yang lain, berdasarkan pendekatan FPIC yang dipermudahkan.</p>	<p>2.5 E Bagi penanaman baharu kelapa sawit, pekebun kecil komited untuk tidak membersihkan atau memperoleh tanah daripada orang asal, komuniti tempatan atau pengguna lain (cth. Kerajaan negeri, pemilik komersial) tanpa FPIC mereka, berdasarkan satu pendekatan FPIC yang dipermudahkan (rujukan 1.1 E, Lampiran 2).</p>	<p>2.5 E Bagi penanaman baharu kelapa sawit, pekebun kecil komited untuk tidak membersihkan atau memperoleh tanah daripada masyarakat orang asli, komuniti tempatan atau pengguna yang lain tanpa FPIC daripada mereka, berdasarkan pendekatan FPIC yang dipermudahkan (Rujukan 1.1 E, Lampiran 2)</p>	<p>2.5 MS A Adakah mana-mana pekebun kecil dalam kumpulan tersebut mempunyai pelan untuk penanaman baharu kelapa sawit? Jika tiada, LANGKAU.</p> <p>Pekebun kecil lengkap menjalani latihan tentang cara menjalankan pendekatan FPIC yang dipermudahkan.</p>	<p>2.5 MS A Adakah mana-mana pekebun kecil di dalam kumpulan mempunyai rancangan untuk penanaman baharu kelapa sawit? Jika tiada, LANGKAU</p> <p>Pekebun kecil melengkapkan latihan dalam cara melaksanakan pendekatan FPIC yang dipermudahkan.</p>	<p>2.5 MS B Adakah mana-mana pekebun kecil dalam kumpulan tersebut mempunyai pelan untuk penanaman baharu kelapa sawit? Jika tiada, LANGKAU.</p> <p>Berdasarkan pendekatan FPIC yang dipermudahkan, pekebun kecil secara bersama menyetujui pelan dengan orang asal dan/atau komuniti tempatan dan/atau pemegang hak yang lain yang terjejas, termasuk kumpulan rentan, bagi pembangunan baharu kelapa sawit baharu, jika ini melibatkan perubahan penggunaan tanah.</p>	<p>2.5 MS B Adakah mana-mana pekebun kecil di dalam kumpulan mempunyai rancangan untuk penanaman baharu kelapa sawit? Jika tiada, LANGKAU</p> <p>Berdasarkan pendekatan FPIC yang dipermudahkan, pekebun kecil mencapai persetujuan bersama dengan masyarakat orang asli dan/atau komuniti tempatan dan/atau lain-lain pemegang hak yang terlibat, untuk sebuah rancangan pembangunan kelapa sawit baharu, jika ia melibatkan perubahan guna tanah.</p>

Prinsip 3: Menghormati hak asasi manusia, termasuk hak dan kebajikan pekerja

Kriteria		Penunjuk					
(Draf 2)	(ISH 2019)	Peringkat Kelayakan (E) (Draf 2)	Peringkat Kelayakan (E) (ISH 2019)	Peringkat Penting A (MS A) (Draf 2)	Peringkat Penting A (MS A) (ISH 2019)	Peringkat Penting B (MS B) (Draf 2)	Peringkat Penting B (MS B) (ISH 2019)
3.1 Tidak ada penggunaan buruh paksa.	3.1 Tiada penggunaan buruh paksa	3.1 E Pekebun kecil bersetuju untuk tidak menggunakan buruh paksa dan memastikan bahawa sebarang penggunaan buruh paksa di kebun telah berakhir pada peringkat Kelayakan. Sekurang-kurangnya, satu perjanjian buruh yang mudah (iaitu daftar buruh) yang menyatakan terma asas pekerjaan bagi pekerja, selaras dengan konteks dan peraturan negara. Selain itu, pekebun kecil menyediakan maklumat tentang sumber buruh, termasuk ahli keluarga yang bekerja di kebun dan buruh yang digaji, termasuk pekerja kontrak (rujukan 1.1 E, Lampiran 2).	3.1 E Pekebun kecil komited untuk tidak menggunakan buruh paksa dan memastikan sebarang penggunaan buruh paksa di ladang ditamatkan di peringkat Kelayakan. Mereka mengemukakan maklumat tentang sumber buruh, termasuk ahli keluarga yang bekerja di ladang dan buruh upahan termasuk pekerja kontrak (Rujukan 1.1 E, Lampiran 2)	3.1 MS A Pekebun kecil lengkap menjalani latihan tentang buruh bebas dan adil, serta melaksanakan langkah-langkah untuk memastikan bahawa semua kerja dilakukan dengan kerelaan, dan amalan yang berikut adalah dilarang: <ul style="list-style-type: none"> • Penahanan dokumen pengenalan termasuk tetapi tidak terhad kepada pasport; • Bayaran yuran perekrutan oleh pekerja; • Penggantian kontrak; • Kerja lebih masa tanpa kerelaan; • Tiada kebebasan bagi pekerja untuk berhenti; • Denda kerana menamatkan pekerjaan; • Ikatan hutang; • Penahanan upah. 	3.1 MS A Pekebun kecil melengkapkan latihan dalam buruh yang bebas dan adil serta mengambil langkah-langkah untuk memastikan bahawa semua kerja adalah secara sukarela, dan amalan-amalan berikut dilarang: <ul style="list-style-type: none"> • Penahanan dokumen pengenalan termasuk, tetapi tidak terhad kepada, pasport; • Pembayaran yuran pengambilan kerja oleh pekerja; • Penggantian kontrak; • Kerja lebih masa secara terpaksa; • Kekurangan kebebasan bagi pekerja untuk berhenti kerja; • Penalti untuk penamatan perkhidmatan; • Ikatan hutang; • Penahanan gaji 	3.1 MS B Tiada bukti berkaitan buruh paksa. Pekebun kecil melaksanakan langkah-langkah untuk memastikan bahawa semua kerja dilakukan dengan kerelaan, dan amalan yang berikut adalah dilarang: <ul style="list-style-type: none"> • Penahanan dokumen pengenalan, termasuk tetapi tidak terhad kepada pasport; • Bayaran yuran perekrutan oleh pekerja; • Penggantian kontrak; • Kerja lebih masa tanpa kerelaan; • Tiada kebebasan bagi pekerja untuk berhenti; • Denda kerana menamatkan pekerjaan; • Ikatan hutang; • Penahanan upah. 	3.1 MS B Pekerja di ladang, termasuk ahli keluarga, mempunyai akses yang tidak terhad kepada dokumen pengenalan mereka, kebebasan bergerak dan boleh menyatakan bahawa pengambilan mereka adalah pilihan bebas.
3.2 Kanak-kanak tidak diambil bekerja atau dieksploitasi. Kerja oleh kanak-kanak boleh diterima di kebun keluarga, di bawah penyeliaan orang dewasa dan apabila tidak mengganggu program pendidikan. Kanak-kanak tidak terdedah kepada keadaan kerja yang berbahaya seperti yang ditakrifkan oleh ILO.	3.2 Kanak-kanak tidak diambil bekerja atau dieksploitasi. Kerja yang dibuat oleh kanak-kanak hanya dibenarkan di atas ladang milik keluarga, di bawah pengawasan orang dewasa dan jika tidak mengganggu program pendidikan. Kanak-kanak tidak didedahkan kepada keadaan kerja yang berbahaya.	3.2 E Pekebun kecil sedar akan perkara yang melibatkan buruh kanak-kanak dan memastikan bahawa mana-mana buruh kanak-kanak dalam operasi kebun telah berakhir pada peringkat Kelayakan. Kesedaran tentang buruh kanak-kanak dan komitmen untuk tidak menggunakan buruh kanak-kanak, walaupun di kebun keluarga, termasuk: <ol style="list-style-type: none"> 1. Pematuhan dengan umur minimum pekerja dan seperti yang ditakrifkan oleh undang-undang tempatan, negeri atau negara, atau undang-undang antarabangsa sekiranya tiada undang-undang tempatan, negeri atau negara. 2. Tidak mendedahkan kanak-kanak kepada kerja berbahaya. 3. Penyeliaan oleh orang dewasa disediakan bagi kanak-kanak dan/atau pekerja muda di kebun. 4. Memastikan amalan hak kanak-kanak terhadap pendidikan tidak disekat dan sentiasa dihormati (rujukan 1.1 E, Lampiran 2). 	3.2 E Pekebun kecil menyedari definisi buruh kanak-kanak dan memastikan bahawa sebarang buruh kanak-kanak dalam operasi perladangan ditamatkan di peringkat Kelayakan. Kesedaran tentang buruh kanak-kanak dan komitmen kepada ketiadaan buruh kanak-kanak termasuk: <ol style="list-style-type: none"> 1. Pematuhan terhadap umur minimum pekerja dan seperti yang ditetapkan oleh undang-undang tempatan, negeri atau negara, atau undang-undang antarabangsa jika ketiadaan undang-undang tempatan, negeri atau negara 2. Tidak mendedahkan kanak-kanak kepada kerja berbahaya. 3. Menyediakan pengawasan orang dewasa ke atas kanak-kanak dan/atau pekerja muda di ladang 4. Memastikan bahawa hak kanak-kanak kepada pendidikan tidak terbatas dan dihormati (Rujukan 1.1 E, Lampiran 2) 	3.2 MS A Pengurus kumpulan dan pekebun kecil melaksanakan langkah-langkah untuk melindungi kanak-kanak seperti yang berikut: <ol style="list-style-type: none"> (i) Tiada pekerja di kebun pekebun kecil di bawah umur 15 tahun atau di bawah umur minimum yang ditakrifkan oleh undang-undang tempatan, negeri atau negara, mana-mana lebih tinggi. (ii) Kanak-kanak hanya dibenarkan membantu di kebun keluarga dan tidak dibenarkan menjalankan kerja yang berbahaya, yang memudaratkan atau yang berat. (iii) Jika pekerja muda diambil bekerja, kerja mereka tidak memudaratkan dari segi mental atau fizikal dan tidak mengganggu persekolahan mereka, jika berkenaan. 	3.2 MS A Pengurus kumpulan dan pekebun kecil mengambil langkah-langkah untuk melindungi kanak-kanak seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"> 1. Tiada pekerja berumur di bawah 15 tahun di ladang pekebun kecil atau di bawah umur minimum yang ditetapkan oleh undang-undang tempatan, negeri atau negara, mengikut yang mana lebih tinggi 2. Kanak-kanak hanya dibenarkan membantu di ladang milik keluarga dan tidak dibenarkan melakukan kerja berat, merbahaya atau merbahaya 3. Jika pekerja muda diambil, kerja mereka tidak memudaratkan dari segi mental atau fizikal dan tidak mengganggu pelajaran mereka, jika berkaitan 	3.2 MS B Sama seperti MSA	3.2 MS B Sama seperti Milestone A

Prinsip 3: Menghormati hak asasi manusia, termasuk hak dan kebajikan pekerja

Kriteria		Penunjuk					
(Draf 2)	(ISH 2019)	Peringkat Kelayakan (E) (Draf 2)	Peringkat Kelayakan (E) (ISH 2019)	Peringkat Penting A (MS A) (Draf 2)	Peringkat Penting A (MS A) (ISH 2019)	Peringkat Penting B (MS B) (Draf 2)	Peringkat Penting B (MS B) (ISH 2019)
<p>3.3 Apakah ada pekerja di kebun? Jika tidak, LANGKAU</p> <p>Bayaran pekerja mematuhi keperluan undang-undang yang minimum dan standard industri yang mandatori seperti yang ditakrifkan oleh undang-undang negara atau perundingan kolektif, mana-mana yang diutamakan dalam peraturan tempatan. Istilah pekerja merangkumi pekerja tetap dan tidak tetap, dan berdasarkan kelaziman serantau bagi pekerja sementara.</p>	<p>3.3 Adakah terdapat pekerja di ladang? Jika tiada, LANGKAU</p> <p>Gaji pekerja mematuhi keperluan minimum yang sah, standard industri yang diwajibkan seperti yang ditetapkan oleh undang-undang negara atau perundingan kolektif, mengikut yang mana diberi keutamaan dalam peraturan setempat.</p>	<p>3.3 E Pekebut kecil komited untuk membayar pekerja mengikut keperluan undang-undang yang minimum atau standard inudstri yang mandatori (rujukan 1.1 E, Lampiran 2)</p>	<p>3.3. E Pekebut kecil komited untuk membayar gaji pekerja menurut keperluan minimum yang sah atau standard industri yang diwajibkan (Rujukan 1.1 E, Lampiran 2)</p>	<p>3.3. MS A Pekerja menerima bayaran seperti yang dijangka dan dipersetujui mengikut sekurang-kurangnya kadar upah minimum yang sah (tidak termasuk premium waktu bekerja tambahan) dan tanpa diskriminasi terhadap kumpulan rentan, termasuk wanita.</p>	<p>3.3. MS A Pekerja menerima bayaran seperti yang dijangka dan dipersetujui menurut sekurang-kurangnya kadar gaji minimum yang sah (tidak termasuk premium kerja lebih masa) dan tanpa diskriminasi terhadap kumpulan rentan, termasuk wanita</p>	<p>3.3 MS B Pekerja menerima bayaran seperti yang dijangka dan dipersetujui mengikut sekurang-kurangnya kadar upah minimum yang sah (tidak termasuk premium waktu bekerja tambahan) dan tanpa diskriminasi terhadap kumpulan rentan, termasuk wanita.</p>	<p>3.3 MS B Pekerja menerima bayaran seperti yang dijangka dan dipersetujui menurut sekurang kurangnya kadar gaji minimum yang sah (tidak termasuk premium kerja lebih masa) dan tanpa diskriminasi terhadap kumpulan rentan, termasuk wanita</p>
<p>3.4 Apakah ada pekerja di kebun? Jika tidak, LANGKAU</p> <p>Pekerja memahami hak dan kebebasan mereka untuk memfailkan aduan/rungutan kepada pengurus kumpulan atau pihak ketiga yang berkenaan, termasuk RSPO.</p>	<p>3.4 Adakah terdapat pekerja di ladang? Jika tiada, LANGKAU</p> <p>Para pekerja memahami hak dan kebebasan mereka untuk memfailkan aduan ketidakpuasan hati mereka kepada pengurus kumpulan atau pihak ketiga yang berkaitan, termasuk RSPO.</p>	<p>3.4 E Pekebut kecil komited untuk menghormati hak pekerja untuk memfailkan aduan/rungutan (rujukan 1.1 E, Lampiran 2).</p>	<p>3.4 E Pekebut kecil komited untuk menghormati hak pekerja untuk memfailkan aduan/ketidakpuasan hati mereka (Rujukan 1.1 E, Lampiran 2)</p>	<p>3.4 MS A Pekebut kecil lengkap menjalani latihan tentang hak pekerja untuk memfailkan aduan/ rungutan dan memaklumkan kepada pekerja kaedah untuk memfailkan aduan/rungutan.</p>	<p>3.4 MS A Pekebut kecil melengkapkan latihan dalam hak pekerja untuk memfailkan aduan/ ketidakpuasan hati dan menyampaikan kepada pekerja caracara memfailkan aduan/ketidakpuasan hati</p>	<p>3.4 MS B Pekerja tahu dan mempunyai akses kepada kaedah yang berkesan untuk memfailkan aduan/rungutan.</p>	<p>3.4 MS B Pekerja mengetahui tentang, dan mempunyai akses kepada, cara-cara memfailkan aduan/ketidakpuasan hati yang berkesan.</p>
<p>3.5 Keadaan kerja dan kemudahan adalah selamat dan memenuhi keperluan minimum undang-undang.</p>	<p>3.5 Keadaan kerja dan kemudahan di tempat kerja adalah selamat dan memenuhi keperluan minimum yang sah.</p>	<p>3.5 E Pekebut kecil komited untuk menyediakan keadaan kerja dan kemudahan yang selamat termasuk Kelengkapan Perlindungan Diri (PPE) secara percuma yang sesuai (rujukan 1.1 E, Lampiran 2).</p>	<p>3.5 E Pekebut kecil komited untuk menyediakan keadaan kerja yang selamat dan kemudahan-kemudahan (Rujukan 1.1 E, Lampiran 2)</p>	<p>3.5 MS A Pekebut kecil, pekerja, dan ahli keluarga lengkap menjalani latihan dan sedar akan risiko kesihatan dan keselamatan berhubung dengan kerja-kerja di kebun (termasuk tentang penggunaan racun perosak) dan cara untuk mengurangkannya.</p>	<p>3.5 MS A Pekebut kecil, pekerja, dan ahli keluarga melengkapkan latihan dan menyedari tentang risiko keselamatan dan kesihatan yang berkaitan dengan kerja di ladang (termasuk penggunaan racun perosak) dan cara untuk mengurangkannya.</p>	<p>3.5 MS B Pekerja, termasuk ahli keluarga pekebut kecil, mempunyai akses kepada keadaan kerja dan kemudahan yang selamat yang termasuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Perumahan yang selamat dan mencukupi, sekiranya berkenaan; • Akses kepada bekalan asas pertolongan cemas; • Kelengkapan kesihatan dan keselamatan, termasuk kelengkapan perlindungan diri (PPE) yang minimum jika sesuai dengan jenis kerja; • Air minuman yang mencukupi; • Akses kepada tandas. 	<p>3.5 MS B Pekerja, termasuk ahli keluarga pekebut kecil, mempunyai akses kepada keadaan kerja yang selamat dan kemudahan-kemudahan termasuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Perumahan yang selamat dan memuakan, di mana berkaitan; • Akses kepada bekalan pertolongan cemas yang asas; • Kelengkapan keselamatan dan kesihatan, termasuk peralatan perlindungan peribadi (PPE) yang minimum jika bersesuaian dengan jenis kerja; • Air minuman yang mencukupi; • Akses kepada tandas.

Prinsip 3: Menghormati hak asasi manusia, termasuk hak dan kebajikan pekerja

Kriteria		Penunjuk					
(Draf 2)	(ISH 2019)	Peringkat Kelayakan (E) (Draf 2)	Peringkat Kelayakan (E) (ISH 2019)	Peringkat Penting A (MS A) (Draf 2)	Peringkat Penting A (MS A) (ISH 2019)	Peringkat Penting B (MS B) (Draf 2)	Peringkat Penting B (MS B) (ISH 2019)
3.6 Apakah ada pekerja di kebun? Jika tidak, LANGKAU Tiada diskriminasi, gangguan, atau penderaan di kebun.	3.6 Adakah terdapat pekerja di ladang? Jika tiada, LANGKAU Tiada diskriminasi, gangguan atau penganiayaan di ladang.	3.6 E Pekebun kecil komited untuk tidak melakukan diskriminasi, gangguan atau penderaan di kebun (rujukan 1.1 E, Lampiran 2).	3.6 E Pekebun kecil komited kepada tiada diskriminasi, gangguan atau penganiayaan di ladang (Rujukan 1.1 E, Lampiran 2)	3.6 MS A Pekebun kecil lengkap menjalani latihan tentang diskriminasi, gangguan dan penderaan di tempat kerja dan sedar akan keperluan terhadap tempat kerja yang selamat.	3.6 MS A Pekebun kecil melengkapkan latihan dalam diskriminasi, gangguan dan penganiayaan di tempat kerja dan menyedari tentang keperluan tempat kerja yang selamat.	3.6 MS B Tiada bukti boleh dijumpai tentang diskriminasi, gangguan, atau penderaan.	3.6 MS B Pekerja bebas menyatakan bahawa mereka bekerja di tempat yang bebas daripada diskriminasi, gangguan atau penganiayaan.

Prinsip 4: Melindungi, memulihara dan meningkatkan ekosistem dan alam sekitar

Kriteria		Penunjuk					
(Draf 2)	(ISH 2019)	Peringkat Kelayakan (E) (Draf 2)	Peringkat Kelayakan (E) (ISH 2019)	Peringkat Penting A (MS A) (Draf 2)	Peringkat Penting A (MS A) (ISH 2019)	Peringkat Penting B (MS B) (Draf 2)	Peringkat Penting B (MS B) (ISH 2019)
<p>4.1 Kawasan Nilai Pemuliharaan Tinggi (HCV) dan hutan Stok Karbon Tinggi (HCS) selepas November 2019, dalam plot pekebun kecil atau dalam kawasan yang diuruskan, yang dikenal pasti melalui pendekatan gabungan HCV-HCS mudah, diuruskan untuk memastikan bahawa kawasan ini dikekalkan dan/atau dipertingkatkan.</p>	<p>4.1 Nilai Konservasi Tinggi (HCV) di atas plot pekebun kecil atau di dalam kawasan yang diurus dan hutan-hutan Stok Karbon Tinggi (HCS) yang dikenal pasti selepas November 2019 menggunakan gabungan pendekatan HCV-HCS yang dipermudahkan, diuruskan untuk memastikan ia dikekalkan dan/atau diperbaiki.</p>	<p>4.1 E Pekebun kecil komited untuk melindungi kawasan HCV dan hutan HCS melalui pendekatan amalan langkah berjaga-jaga, serta penjagaan dan perlindungan spesies RTE (nadir, terancam, atau dalam bahaya). (Rujukan 1.1 E, Lampiran 2)</p>	<p>4.1 E Pekebun kecil komited untuk melindungi kawasan-kawasan HCV dan hutan-hutan HCS melalui pendekatan amalan-amalan berjaga-jaga (Rujukan 1.1 E, Lampiran 2)</p>	<p>4.1 MS A Pekebun kecil dan pekerja (jika ada) lengkap menjalani latihan tentang dan sedar akan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • kepentingan mengekalkan dan memulihara HCV dan hutan HCS • konflik manusia-haiwan liar dan usaha mengurangkannya • spesies RTE dan ekosistem penting. 	<p>4.1 MS A Pekebun kecil melengkapkan latihan dalam, dan menyedari tentang:</p> <ul style="list-style-type: none"> • kepentingan mengekalkan dan memulihara kawasan-kawasan HCV dan hutan-hutan HCS • konflik manusia hidupan liar dan usaha untuk mengurangkannya • Spesies RTE dan ekosistem penting 	<p>4.1 MS B Pekebun kecil melaksanakan amalan berjaga-jaga dan menguruskan serta mengekalkan spesies RTE, HCV dan hutan HCS, pada mana-mana yang berkenaan.</p>	<p>4.1 MS B Pekebun kecil melaksanakan amalan-amalan berjaga-jaga serta menguruskan dan mengekalkan spesies RTE, dan kawasan-kawasan HCV dan HCS, di mana berkenaan</p>
<p>4.2 Pada mana-mana plot sedia ada pekebun kecil yang telah ditanam dan dibersihkan selepas November 2005 atau terletak di atas kawasan yang dikenal pasti sebagai hutan HCS selepas November 2019 sehingga tempoh kelayakan, proses RaCP yang sesuai untuk pekebun kecil berdasarkan Analisis Perubahan Penggunaan Tanah (LUCA) akan terpakai (rujukan mukadimah).</p>	<p>4.2 Di mana plot sedia ada pekebun kecil telah ditanam dan dibersihkan selepas November 2005 atau berada di dalam kawasan yang dikenal pasti sebagai hutan HCS selepas November 2019 sehingga tempoh kelayakan, sebuah proses RaCP yang bersesuaian untuk pekebun kecil berdasarkan Analisa Perubahan Guna Tanah (LUCA) akan digunakan (pendahuluan rujukan)</p>	<p>4.2 E Pekebun kecil dan Pengurus Kumpulan menyediakan maklumat tentang semua plot pekebun kecil yang diubah dan ditanam dengan kelapa sawit selepas 2005, melalui hasil Analisis Perubahan Penggunaan Tanah (LUCA) atau sebarang alat lain yang diluluskan oleh RSPO. (Rujukan 1.1 E, Lampiran 2)</p>	<p>4.2 E Pekebun kecil mengemukakan maklumat tentang semua plot pekebun kecil yang ditanam dan ditanam dengan kelapa sawit selepas 2005, melalui penggunaan gabungan pendekatan HCV-HCS yang dipermudahkan untuk Pekebun Kecil (Rujukan 1.1 E, Lampiran 2).</p>	<p>4.2 MS A Ahli kumpulan membangunkan satu pelan untuk mengenal pasti kawasan maksimum bagi pemulihan kehilangan HCV di tapak sejak 2005 dan kehilangan hutan HCS sejak November 2019, melalui proses penyertaan dan pelan tersebut diserahkan kepada RSPO.</p>	<p>4.2 MS A Ahli kumpulan membangunkan sebuah pelan bagi mengenal pasti kawasan maksimum untuk pemulihan di tapak buat kawasan HCV yang hilang sejak 2005 dan hutan HCS yang hilang sejak November 2019, melalui proses berpenglibatan dan pelan tersebut diserahkan kepada RSPO.</p>	<p>4.2 MS B Suatu pelan yang diluluskan oleh RSPO untuk memulihkan kehilangan HCV sejak 2005 dan kehilangan hutan HCS sejak November 2019 dilaksanakan.</p>	<p>4.2 MS B Sebuah pelan yang diluluskan oleh RSPO untuk memulihkan kawasan HCV yang hilang sejak 2005 dan hutan HCS yang hilang sejak November 2019 dilaksanakan.</p>
<p>4.3 Adakah mana-mana pekebun kecil dalam kumpulan tersebut mempunyai rancangan untuk penanaman baharu kelapa sawit? Jika tiada, LANGKAU.</p> <p>Penanaman baharu oleh pekebun kecil bebas, sejak November 2019.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tidak menggantikan sebarang HCV • Tidak menggantikan sebarang hutan HCS seperti yang ditakrifkan oleh pendekatan gabungan HCV-HCS mudah • Bukan di atas cerun curam (lebih daripada 25 darjah atau seperti dalam Interpretasi Nasional) • Bukan di atas kawasan gambut pada sebarang kedalaman. • Bukan berada di kawasan larangan atau kawasan yang dilindungi oleh undang-undang negara. • Bukan di atas kawasan riparian 	<p>4.3 Adakah mana-mana pekebun kecil di dalam kumpulan mempunyai rancangan untuk penanaman baharu kelapa sawit? Jika tiada, LANGKAU</p> <p>Penanaman baharu pekebun kecil bebas, sejak November 2019:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tidak menggantikan mana-mana kawasan HCV • Tidak menggantikan mana-mana hutan HCS seperti yang ditetapkan oleh gabungan pendekatan HCV-HCS yang dipermudahkan • Tidak terletak di cerun curam (melebihi 25 darjah atau seperti di dalam Interpretasi Nasional) • Tidak terletak di kawasan tanah gambut dengan sebarang kedalaman 	<p>4.3 E Pekebun kecil menyediakan maklumat tentang semua penanaman baharu yang dirancang dan komited untuk tidak melakukan penanaman baharu di atas HCV atau hutan HCS, di atas cerun curam (lebih daripada 25 darjah atau seperti di dalam Interpretasi Nasional) atau di atas tanah gambut sehingga prosedur HCV-HCS telah lengkap (rujukan 1.1 E, Lampiran 2)</p>	<p>4.3 E Pekebun kecil mengemukakan maklumat tentang semua rancangan penanaman baharu dan komited untuk tidak melakukan penanaman baharu di kawasan HCV atau hutan HCS, di cerun curam (melebihi 25 darjah atau seperti di dalam Interpretasi Nasional) atau di tanah gambut (Rujukan 1.1 E, Lampiran 2)</p>	<p>4.3 MS A Adakah mana-mana pekebun kecil dalam kumpulan tersebut mempunyai rancangan untuk penanaman baharu kelapa sawit?</p> <p>Sebelum sebarang penyediaan tanah dimulakan, ahli kumpulan membangunkan suatu pelan pengurusan bersepadu melalui pendekatan penyertaan untuk mengekalkan atau meningkatkan HCV serta hutan HCS yang dikenal pasti selepas November 2019, seperti yang dikenal pasti melalui pendekatan gabungan HCV-HCS mudah, sebelum sebarang persediaan tanah dimulakan.</p>	<p>4.3 MS A Adakah mana-mana pekebun kecil di dalam kumpulan mempunyai rancangan untuk penanaman baharu kelapa sawit?</p> <p>Sebelum sebarang penyediaan tanah berlangsung, ahli kumpulan membangunkan sebuah pelan pengurusan bersepadu melalui pendekatan berpenglibatan untuk mengekalkan atau memperbaiki kawasan HCV dan hutan HCS yang dikenal pasti selepas November 2019, seperti yang dikenal pasti oleh gabungan pendekatan HCV-HCS yang dipermudahkan.</p>	<p>4.3 MS B Adakah mana-mana pekebun kecil dalam kumpulan tersebut mempunyai rancangan untuk penanaman baharu kelapa sawit?</p> <p>Pekebun kecil mempunyai pelan pengurusan bersepadu yang diluluskan RSPO bagi penanaman baharu mereka yang telah dirancang dan mengongsi notis pelan ini dengan mereka yang terlibat dalam pemetaan penyertaan sebelum sebarang penyediaan tanah bermula.</p>	<p>4.3 MS B Adakah mana-mana pekebun kecil di dalam kumpulan mempunyai rancangan untuk penanaman baharu kelapa sawit?</p> <p>Pekebun kecil mempunyai sebuah pelan pengurusan bersepadu yang diluluskan oleh RSPO untuk rancangan penanaman baharu mereka dan berkongsi notis pelan tersebut dengan mereka yang terlibat dalam pemetaan berpenglibatan sebelum sebarang penyediaan tanah berlangsung.</p>
<p>4.4 Adakah mana-mana pekebun kecil dalam kumpulan tersebut mempunyai plot sedia ada di atas tanah gambut? Jika tidak, LANGKAU</p> <p>Apabila terdapat plot pekebun kecil di atas tanah gambut, pengendalian dan degradasi tanah gambut boleh diminimumkan dengan penggunaan amalan pengurusan terbaik.</p>	<p>4.4 Adakah mana-mana pekebun kecil di dalam kumpulan yang mempunyai plot sedia ada di kawasan tanah gambut? Jika tiada, LANGKAU</p> <p>Di mana plot pekebun kecil berada di kawasan tanah gambut, pemendapan dan penurunan paras tanah gambut diminimumkan dengan penggunaan amalan-amalan pengurusan terbaik.</p>	<p>4.4 E Pengurus kumpulan mengesahkan kehadiran tanah gambut di atas plot sedia ada dalam kumpulan dan pekebun kecil di atas tanah gambut komited untuk menggunakan amalan-amalan pengurusan terbaik (BMP), dan meminimumkan penenggelaman dan degradasi tanah gambut (rujukan 1.1 E, Lampiran 2).</p>	<p>4.4 E Pengurus kumpulan mengesahkan kehadiran tanah gambut di plot sedia ada di dalam kumpulan dan pekebun kecil di tanah gambut komited untuk menggunakan amalan-amalan pengurusan terbaik (BMP), serta meminimumkan pemendapan dan penurunan paras tanah gambut (Rujukan 1.1 E, Lampiran 2).</p>	<p>4.4 MS A Pekebun kecil lengkap menjalani latihan tentang amalan pengurusan terbaik (BMP) untuk tanah gambut. Pengurus kumpulan dan pekebun kecil membangunkan satu pelan tindakan untuk meminimumkan risiko kebakaran, untuk menggunakan BMP bagi penanaman di atas tanah gambut dan menguruskan sistem air dalam unit pensijilan.</p>	<p>4.4 MS A Pekebun kecil melengkapkan latihan dalam amalan-amalan pengurusan terbaik (BMP) bagi tanah gambut. Kumpulan mempunyai pelan tindakan bagi meminimumkan risiko kebakaran, melaksanakan BMP untuk penanaman di tanah gambut dan menguruskan sistem air di dalam unit pensijilan</p>	<p>4.4 MS B Pekebun kecil melaksanakan pelan tindakan kumpulan berdasarkan BMP, termasuk pengurusan kebakaran dan air, dan memantau kadar penenggelaman bagi penanaman sedia ada di atas tanah gambut.</p>	<p>4.4 MS B Pekebun kecil melaksanakan pelan tindakan kumpulan berdasarkan BMP, termasuk pengurusan air dan api, dan mengawasi kadar pemendapan untuk penanaman sedia ada di tanah gambut.</p>

Prinsip 4: Melindungi, memulihara dan meningkatkan ekosistem dan alam sekitar

Kriteria		Penunjuk					
(Draf 2)	(ISH 2019)	Peringkat Kelayakan (E) (Draf 2)	Peringkat Kelayakan (E) (ISH 2019)	Peringkat Penting A (MS A) (Draf 2)	Peringkat Penting A (MS A) (ISH 2019)	Peringkat Penting B (MS B) (Draf 2)	Peringkat Penting B (MS B) (ISH 2019)
<p>4.5 Adakah mana-mana pekebun kecil dalam kumpulan mempunyai rancangan penanaman semula bagi plot yang terletak di atas tanah gambut? Jika tidak, LANGKAU.</p> <p>Plot di atas tanah gambut yang ditanami semula hanya di kawasan dengan risiko banjir atau penerobosan air garam yang rendah seperti yang ditunjukkan oleh penilaian risiko banjir yang diluluskan RSPO, berdasarkan Templat Penilaian Risiko Banjir ISH RSPO.</p>	<p>4.5 Adakah mana-mana pekebun kecil di dalam kumpulan yang mempunyai rancangan penanaman semula bagi plot yang terletak di dalam kawasan tanah gambut? Jika tiada, LANGKAU</p> <p>Penanaman semula bagi plot yang terletak di kawasan tanah gambut hanya dilakukan di kawasan berisiko rendah dalam pembersihan atau penerobosan air masin seperti yang ditunjukkan oleh penilaian risiko</p>	<p>4.5 E Pekebun kecil komited untuk menyediakan maklumat tentang semua rancangan bagi penanaman semula dan komited bahawa penanaman semula hanya akan dilakukan di kawasan dengan risiko banjir atau penerobosan air garam yang rendah (rujukan 1.1 E, Lampiran 2).</p>	<p>4.5 E Pekebun kecil komited untuk memberikan maklumat tentang semua rancangan penanaman semula dan memastikan penanaman semula hanya dilakukan di kawasan berisiko rendah dalam pembersihan atau penerobosan air masin (Rujukan 1.1 E, Lampiran 2)</p>	<p>4.5 MS A Semua pekebun kecil dengan plot di atas tanah gambut lengkap menjalani latihan tentang pengenalpastian risiko banjir atau penerobosan air garam pada masa depan, dan strategi pembangunan tanah alternatif.</p>	<p>4.5 MS A SPekebun kecil yang mempunyai plot di kawasan tanah gambut melengkapkan latihan dalam mengenal pasti risiko pembersihan atau penerobosan air masin di masa hadapan, dan strategi pembangunan tanah alternatif.</p>	<p>4.5 MS B Sebelum penanaman semula di atas tanah gambut, pekebun kecil melengkapkan penilaian risiko berkaitan banjir atau penerobosan air garam dan, di tempat yang berisiko tinggi, membentangkan pelan yang merangkumi strategi alternatif pembangunan tanah, dengan keutamaan perancangan mata pencarian alternatif.</p>	<p>4.5 MS B Sebelum penanaman semula di kawasan tanah gambut diteruskan, pekebun kecil melengkapkan penilaian risiko berkenaan pembersihan atau penerobosan air masin dan, di mana terdapatnya risiko tinggi, menyediakan sebuah pelan yang merangkumi strategi pembangunan tanah alternatif, dengan mengutamakan perancangan punca pendapatan alternatif</p>
<p>4.6 Api tidak digunakan di plot kelapa sawit bagi tujuan penyediaan tanah atau kawalan makhluk perosak, dan tiada pembakaran terbuka bagi pengurusan sisa di kebun.</p>	<p>4.6 Api tidak digunakan di plot kelapa sawit untuk tujuan menyediakan tanah atau mengawal perosak, dan pembakaran terbuka tidak dilakukan untuk tujuan pengurusan sisa di ladang berkenaan</p>	<p>4.6 E Pekebun kecil komited untuk tidak melakukan pembakaran bagi tujuan penyediaan tanah atau kawalan makhluk perosak, dan tiada pembakaran terbuka bagi pengurusan sisa. Pengurus Kumpulan merekodkan bukti pembakaran yang dilakukan sebelum ini oleh ahli-ahli yang menyertai kumpulan (rujukan 1.1 E, Lampiran 2).</p>	<p>4.6 E Pekebun kecil komited kepada tiada pembakaran untuk tujuan penyediaan tanah atau kawalan perosak, dan pembakaran terbuka tidak dilakukan untuk tujuan pengurusan sisa di ladang berkenaan. Pengurus kumpulan mencatatkan bukti pembakaran sebelumnya oleh ahli yang menyertai kumpulan berkenaan (Rujukan 1.1 E, Latihan 2)</p>	<p>4.6 MS A Tiada bukti fizikal tentang pembakaran baharu (selepas Peringkat Kelayakan) bagi tujuan penyediaan tanah untuk kelapa sawit oleh pekebun kecil. Pekebun kecil lengkap menjalani latihan dan sedar akan perkara berikut: <ul style="list-style-type: none"> • alternatif kepada pembakaran bagi penyediaan tanah dan pengurusan sisa kebun (sekiranya sesuai dan boleh dilaksanakan) • alternatif kepada pembakaran bagi kawalan makhluk perosak • pencegahan kebakaran dan cara untuk bertindak balas terhadap kebakaran dan menguruskan kebakaran dalam komuniti dan kampung mereka. </p>	<p>4.6 MS A Tiada bukti fizikal pembakaran baharu (selepas kelayakan) untuk tujuan penyediaan tanah bagi penanaman kelapa sawit oleh pekebun kecil. Pekebun kecil melengkapkan latihan dalam, dan menyedari tentang: <ul style="list-style-type: none"> • alternatif kepada pembakaran untuk tujuan penyediaan tanah dan pengurusan sisa ladang (di mana boleh dan bersesuaian) • alternatif kepada pembakaran untuk tujuan kawalan perosak • pencegahan kebakaran serta cara bergerak balas kepada, dan menguruskan, pembakaran di dalam komuniti dan kampung berkenaan. </p>	<p>4.6 MS B Pekebun kecil tidak menggunakan api atau mengamalkan pembakaran bagi tujuan penyediaan tanah, pengurusan sisa atau kawalan makhluk perosak di kebun. Untuk kawalan makhluk perosak, api mungkin boleh digunakan hanya dalam keadaan luar biasa, iaitu apabila tiada langkah lain yang berkesan dan dengan kelulusan oleh pihak berkuasa yang berkenaan terlebih dahulu.</p>	<p>4.6 MS B Pekebun kecil tidak melakukan pembakaran atau berlatih melakukan pembakaran untuk tujuan penyediaan tanah, pengurusan sisa atau kawalan makhluk perosak di ladang. Bagi mengawal pembakaran hanya dibolehkan dalam keadaan tertentu iaitu di mana tidak terdapat penyelesaian lain yang berkesan dan dengan kelulusan daripada pihak berkuasa yang berkaitan terlebih dahulu.</p>
<p>4.7 Zon penimbal riparian telah dikenal pasti dan diuruskan untuk menjamin pengendalian dan/atau penambahbaikan, mengikut undang-undang negara dan mengambil kira Manual RSPO bagi versi terkini Pengurusan dan Rehabilitasi Rizab Riparian - Panduan Mudah</p>	<p>4.7 Zon penanaman riparian dikenal pasti dan diuruskan untuk memastikan ia dikekalkan dan/ atau diperbaiki</p>	<p>4.7 E Pengurus kumpulan mengenal pasti zon penimbal riparian dalam kumpulan dan pekebun kecil, berdasarkan versi terkini Manual RSPO bagi Pengurusan dan Rehabilitasi Rizab Riparian - Panduan Mudah, untuk menguruskan zon tersebut dalam ladang sedia ada dan komited untuk tidak melakukan penanaman baharu dalam zon riparian (rujukan 1.1 E, Lampiran 2).</p>	<p>4.7 E Pengurus kumpulan mengenal pasti zon penanaman riparian di dalam kumpulan dan pekebun kecil komited untuk tidak melakukan penanaman baharu di zon riparian (Rujukan 1.1 E, Lampiran 2).</p>	<p>4.7 MS A Pekebun kecil lengkap menjalani latihan tentang dan sedar akan pengurusan zon penimbal riparian, dan kumpulan mempunyai pelan tindakan untuk mengekalkan dan/atau meningkatkan zon penimbal riparian.</p>	<p>4.7 MS A Pekebun kecil melengkapkan latihan dalam, dan menyedari tentang, pengurusan zon penanaman riparian, dan kumpulan berkenaan mempunyai sebuah pelan tindakan untuk mengekalkan dan/atau memperbaiki zon penanaman riparian.</p>	<p>4.7 MS B Pekebun kecil mengekalkan dan/atau meningkatkan kawasan zon penimbal riparian, berdasarkan undang-undang negara dan mengambil kira versi terkini Manual RSPO bagi pengurusan dan Rehabilitasi Rizab Riparian - Panduan Mudah.</p>	<p>4.7 MS B Pekebun kecil mengekalkan dan/ atau memperbaiki zon penanaman riparian</p>
<p>4.8 Racun perosak digunakan dalam cara yang tidak membahayakan kesihatan pekerja, keluarga, komuniti atau alam sekitar</p>	<p>4.8 Racun perosak tidak digunakan dengan cara yang membahayakan kesihatan pekerja, ahli keluarga, komuniti atau alam sekitar</p>	<p>4.8 E Pekebun kecil komited untuk menghentikan secara berperingkat-peringkat, parakuat dan racun perosak yang dikategorikan oleh WHO sebagai Kelas 1A atau 1B dan yang disenaraikan oleh Konvensyen Stockholm atau Rotterdam: <ul style="list-style-type: none"> • serta-merta berhenti membeli racun perosak ini • menghentikan penggunaan baki stok secara berfasa, pada peringkat MS B • memberikan maklumat untuk pengurus kumpulan menyimpan rekod pembelian dan penggunaan racun perosak (rujukan 1.1 E, Lampiran 2). </p>	<p>4.8 E Pekebun kecil komited untuk menghentikan secara berperingkat-peringkat penggunaan parakuat dan racun perosak yang dikategorikan sebagai WHO Kelas 1A atau 1B serta yang disenaraikan oleh Konvensyen Stockholm atau Konvensyen Rotterdam dengan: <ul style="list-style-type: none"> • segera menghentikan pembelian racun perosak tersebut • menghentikan penggunaan baki stok secara berperingkat-peringkat menjelang peringkat MS A • memberikan maklumat kepada pengurus kumpulan untuk tujuan penyimpanan rekod pembelian dan penggunaan racun perosak (Rujukan 1.1 E, Lampiran 2). </p>	<p>4.8 MS A Pekebun kecil lengkap menjalani latihan tentang BMP bagi racun perosak termasuk penggunaan racun perosak, kesedaran akan risiko terhadap wanita hamil dan yang menyusukan dan pekerja muda; penyimpanan dan pelupusan; parakuat dan racun perosak yang disenaraikan oleh WHO sebagai Kelas 1A atau 1B, Konvensyen Stockholm atau Rotterdam (dan mematuhi 3.5).</p>	<p>4.8 MS A Pekebun kecil melengkapkan latihan dalam BMP untuk racun perosak termasuk penggunaan racun perosak, kesedaran tentang risiko kepada wanita mengandung dan menyusu serta pekerja muda; penyimpanan dan pelupusan; parakuat dan racun perosak yang tersenarai di bawah WHO Kelas 1A atau 1B, Konvensyen Stockholm atau Konvensyen Rotterdam (dan mematuhi 3.5).</p>	<p>4.8 MS B Pekebun kecil melaksanakan BMP bagi semua penggunaan racun perosak, termasuk melarang penggunaan racun perosak oleh wanita hamil dan yang menyusukan dan pekerja muda, dan pengecualian parakuat dan racun perosak yang dikategorikan oleh WHO sebagai Kelas 1A atau 1B, atau yang disenaraikan oleh Konvensyen Stockholm atau Rotterdam, kecuali apabila dibenarkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan untuk wabak makhluk perosak.</p>	<p>4.8 MS B Pekebun kecil melaksanakan BMP bagi penggunaan semua racun perosak, termasuk melarang penggunaan racun perosak oleh wanita yang mengandung dan menyusu serta pekerja muda, dan mengetepikan parakuat dan racun perosak yang dikategorikan sebagai WHO Kelas 1A atau 1B, atau yang disenaraikan oleh Konvensyen Stockholm atau Konvensyen Rotterdam, melainkan jika dibenarkan oleh pihak berkuasa yang berkaitan untuk wabak perosak.</p>

Prinsip 4: Melindungi, memulihara dan meningkatkan ekosistem dan alam sekitar

Kriteria		Penunjuk					
(Draf 2)	(ISH 2019)	Peringkat Kelayakan (E) (Draf 2)	Peringkat Kelayakan (E) (ISH 2019)	Peringkat Penting A (MS A) (Draf 2)	Peringkat Penting A (MS A) (ISH 2019)	Peringkat Penting B (MS B) (Draf 2)	Peringkat Penting B (MS B) (ISH 2019)
4.9 Kumpulan dan pekebun kecil menguruskan makhluk perosak, penyakit, rumpai dan spesies invasif yang dibawa masuk menggunakan teknik yang sesuai, termasuk tetapi tidak terhad kepada teknik Pengurusan Perosak Bersepadu (IPM).	4.9 Kumpulan berkenaan dan pekebun kecil menguruskan perosak, penyakit, rumpai dan spesies invasif yang diperkenalkan menggunakan teknik yang bersesuaian, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, teknik-teknik Pengurusan Perosak Bersepadu (IPM).	4.9 E Tidak terpakai	4.9 E Tidak berkaitan	4.9 MS A Pekebun kecil lengkap menjalani latihan tentang dan sedar akan BMP, termasuk, tetapi tidak terhad kepada penggunaan bahan kimia yang selamat, IPM, rumpai dan pengurusan spesies invasif.	4.9 MS A Pekebun kecil melengkapkan latihan dalam, dan menyedari tentang, BMP, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, penggunaan selamat bahan kimia, IPM, serta pengurusan rumpai dan spesies invasif.	4.9 MS B Kumpulan dan pekebun kecil memaksimumkan penggunaan pendekatan IPM untuk meminimumkan penggunaan racun perosak dan racun herba di kebun mereka.	4.9 MS B Kumpulan berkenaan dan pekebun kecil memaksimumkan penggunaan pendekatan IPM untuk meminimumkan penggunaan racun perosak dan racun herba di ladang mereka.

A - ICS: Entiti kumpulan dan keperluan pengurusan kumpulan

Kriteria		Penunjuk					
(Draf 2)	(ISH 2019)	Peringkat Kelayakan (E) (Draf 2)	Peringkat Kelayakan (E) (ISH 2019)	Peringkat Penting A (MS A) (Draf 2)	Peringkat Penting A (MS A) (ISH 2019)	Peringkat Penting B (MS B) (Draf 2)	Peringkat Penting B (MS B) (ISH 2019)
A1 Kumpulan menunjukkan bahawa mereka dibentuk secara sah.	A1 Kumpulan membuktikan yang mereka dibentuk secara sah.	A1.1 E Kumpulan telah melantik pengurus kumpulan.	A1.1 E Kumpulan telah melantik seorang pengurus kumpulan.	A1.1 MS A Sama seperti Peringkat Kelayakan (E)	A1.1 MS A Sama seperti Kelayakan	A1.1 MS B Sama seperti Peringkat Kelayakan (E)	A1.1 MS B Sama seperti Kelayakan
		A1.2 E Pengurus kumpulan mempunyai bukti akan kewujudan entiti sah itu.	A1.2 E Pengurus kumpulan mempunyai bukti identiti yang sah.	A1.2 MS A Sama seperti Peringkat Kelayakan (E)	A1.2 MS A Sama seperti Kelayakan	A1.2 MS B Sama seperti Peringkat Kelayakan (E)	A1.2 MS B Sama seperti Kelayakan
		A1.3 E Kumpulan mempunyai syarat keahlian.	A1.3 E Kumpulan mempunyai syarat syarat keahlian.	A1.3 MS A Sama seperti Peringkat Kelayakan (E)	A1.3 MS A Sama seperti Kelayakan	A1.3 MS B Sama seperti Peringkat Kelayakan (E)	A1.3 MS B Sama seperti Kelayakan
		A1.4 E Semua ahli telah menandatangani dan memperakui syarat keahlian.	A1.4 E Semua ahli telah menandatangani dan memaklumi syarat-syarat keahlian.	A1.4 MS A Semua ahli dapat menunjukkan pemahaman terhadap syarat keahlian.	A1.4 MS A Semua ahli boleh menunjukkan pemahaman terhadap syarat-syarat keahlian.	A1.4 MS B Sama seperti Peringkat Penting A (MS A)	A1.4 MS B NA
A2 Pengurus kumpulan bertanggungjawab menguruskan kumpulan bagi pensijilan.	A2 Pengurus kumpulan bertanggungjawab menguruskan kumpulan untuk pensijilan.	A2.1 E Pengurus kumpulan melibatkan penyertaan dan/atau perundingan ahli dalam perancangan untuk pelaksanaan ICS kumpulan. Pengurus kumpulan telah merancang pelaksanaan ICS kumpulan yang merangkumi penyertaan ahli.	A2.1 E Pengurus kumpulan telah merancang untuk pelaksanaan ICS.	A2.1 MS A Pengurus kumpulan dapat menunjukkan pematuhan terhadap ICS melalui pelaksanaan ahli individu.	A2.1 MS A Pengurus kumpulan boleh membuktikan pematuhan kepada ICS oleh ahli-ahli individu	A2.1 MS B Sama seperti Peringkat Penting A (MS A)	A2.1 MS B NA
		A2.2 E Pengurus kumpulan menunjukkan pemahaman terhadap Standard ISH RSPO, pensijilan kumpulan dan topik berkaitan serta mempunyai sumber yang mencukupi untuk menguruskan kumpulan.	A2.2 E Pengurus kumpulan menunjukkan pemahaman tentang Standard ISH RSPO, pensijilan kumpulan dan topik-topik berkaitan serta mempunyai kemampuan yang mencukupi untuk menguruskan kumpulan.	A2.2 MS A Pengurus kumpulan dapat menunjukkan keupayaan untuk menguruskan dan mengendalikan pensijilan kumpulan dan syarat pensijilan.	A2.2 MS A Pengurus kumpulan boleh menunjukkan keupayaan untuk menguruskan dan mengendalikan pensijilan kumpulan dan keperluan pensijilan.	A2.2 MS B Sama seperti Peringkat Penting A (MS A)	A2.2 MS B NA
		A2.3 E Pelan latihan tahunan kumpulan sudah tersedia, meliputi Standard ISH RSPO, pengurusan kumpulan (yang merangkumi objektif kumpulan, struktur, prosedur berkaitan dan proses pensijilan) dan topik lain seperti yang digariskan dalam Standard ISH.	A2.3 E Sebuah pelan latihan tahunan kumpulan tersedia merangkumi Standard ISH RSPO, pengurusan kumpulan (termasuk objektif, struktur, prosedur berkaitan dan proses pensijilan kumpulan) dan lain-lain topik seperti yang ditetapkan di dalam Standard ISH.	A2.3 MS A Pengurus kumpulan melaksanakan pendekatan berperingkat untuk memastikan ahli secara progresif menghadiri latihan tentang Standard ISH, pengurusan kumpulan dan topik lain seperti yang digariskan dalam Standard ISH mengikut pelan latihan tahunan kumpulan.	A2.3 MS A Pengurus kumpulan melaksanakan pendekatan berperingkat untuk memastikan ahli-ahli telah menjalani latihan secara progresif dalam Standard ISH, pengurusan kumpulan dan lain-lain topik seperti yang ditetapkan di dalam Standard ISH menurut pelan latihan tahunan kumpulan.	A2.3 MS B Semua ahli menghadiri latihan dan dapat menunjukkan pemahaman tentang Standard ISH, pengurusan kumpulan dan syarat pensijilan termasuk kesedaran tentang BMP, HCV, perlindungan alam sekitar, kebajikan sosial pekerja dan operasi perniagaan.	A2.3 MS B Semua ahli menjalani latihan dan boleh menunjukkan pemahaman tentang Standard ISH, pengurusan kumpulan dan keperluan-keperluan pensijilan termasuk kesedaran tentang BMP, HCV, perlindungan alam sekitar, kebajikan sosial pekerja dan pengendalian perniagaan.

B - ICS: Dasar dan pengurusan

Kriteria		Penunjuk					
(Draf 2)	(ISH 2019)	Peringkat Kelayakan (E) (Draf 2)	Peringkat Kelayakan (E) (ISH 2019)	Peringkat Penting A (MS A) (Draf 2)	Peringkat Penting A (MS A) (ISH 2019)	Peringkat Penting B (MS B) (Draf 2)	Peringkat Penting B (MS B) (ISH 2019)

B1 ICS kumpulan mengandungi dasar, prosedur dan maklumat organisasi yang didokumenkan untuk pengurusan operasi.	B1 ICS kumpulan mengandungi dasar-dasar yang didokumenkan dan prosedur-prosedur untuk pengurusan pengendalian	B1.1 E ICS kumpulan tersedia untuk pengurusan operasi termasuk prosedur pembuangan dan sekatan bagi ahli yang gagal untuk mematuhi, dan prosedur untuk menjalankan audit dalaman.	B1.1 E Sebuah ICS kumpulan tersedia untuk pengurusan pengendalian termasuk prosedur-prosedur pemecatan dan sekatan buat ahli-ahli yang gagal mematuhi, dan prosedur untuk menjalankan audit dalaman.	B1.1 MS A ICS dilaksanakan dan audit dalaman dijalankan ke atas sekurang- kurangnya separuh daripada ahli kumpulan dan semua penemuan audit diselesaikan.	B1.1 MS A ICS dilaksanakan dan audit dalaman dijalankan untuk sekurang-kurangnya separuh daripada ahli-ahli kumpulan dan kesemua penemuan audit ditutup.	B1.1 MS B ICS dilaksanakan dan audit dalaman tahunan kumpulan dijalankan ke atas separuh daripada ahli-ahli kumpulan dan kesemua penemuan audit diselesaikan.	B1.1 MS B ICS dilaksanakan dan audit dalaman tahunan kumpulan dijalankan untuk semua ahli-ahli kumpulan dan kesemua penemuan audit diselesaikan.
		B1.2 E Maklumat asas, maklumat ladang, data pengeluaran, dokumentasi undang-undang ahli kumpulan dan Deklarasi Pekebun Kecil yang ditandatangani tersedia kepada pengurus kumpulan.	B1.2 E Maklumat asas, maklumat ladang, data pengeluaran, dokumentasi sah ahli-ahli kumpulan dan Deklarasi Pekebun Kecil yang ditandatangani tersedia buat pengurus kumpulan.	B1.2 MS A Sama seperti Peringkat Kelayakan (E)	B1.2 MS A Sama seperti Peringkat Kelayakan (E)	B1.2 MS B Sama seperti Peringkat Kelayakan (E)	

C - ICS: Perancangan perniagaan kumpulan

Kriteria		Penunjuk					
(Draf 2)	(ISH 2019)	Peringkat Kelayakan (E) (Draf 2)	Peringkat Kelayakan (E) (ISH 2019)	Peringkat Penting A (MS A) (Draf 2)	Peringkat Penting A (MS A) (ISH 2019)	Peringkat Penting B (MS B) (Draf 2)	Peringkat Penting B (MS B) (ISH 2019)
C1 Kumpulan mempunyai pelan perniagaan yang disediakan dengan penyertaan dan sumbangan daripada semua ahli kumpulan.	C1 Kumpulan mempunyai sebuah pelan perniagaan yang disediakan dengan penyertaan dan sumbangan daripada semua ahli kumpulan.	C1.1 E Pelan perniagaan kumpulan tahunan tersedia dan merangkumi: • ramalan pengeluaran dan pendapatan berdasarkan rekod sejarah • pelan untuk pengembangan.	C1.1 E Sebuah pelan perniagaan kumpulan tahunan tersedia, yang merangkumi: • peramalan pengeluaran dan pendapatan berdasarkan rekod lampau • rancangan untuk pengembangan	C1.1 MS A Pelan perniagaan kumpulan dilaksanakan dan disemak sekurang- kurangnya setiap tahun.	C1.1 MS A Pelan perniagaan kumpulan dilaksanakan dan dikaji semula sekurang-kurangnya secara tahunan.	C1.1 MS B Kumpulan menunjukkan keupayaan untuk menyokong diri sendiri dari segi keuangan, dengan hasil mengikut pelan perniagaan.	C1.1 MS B Kumpulan menunjukkan kestabilan dan pertumbuhan kewangan serta mampu untuk menampung diri sendiri dari segi kewangan.
C2 ICS kumpulan disepadukan dengan pelan pengurusan kumpulan.	C2 ICS kumpulan disepadukan dengan pelan pengurusan kumpulan	C2.1 E Pelan pengurusan kumpulan tersedia, yang meliputi: • perancangan tentang pelan latihan/pembangunan kapasiti untuk meningkatkan produktiviti ahli kumpulan • pendekatan untuk mengukuhkan hubungan dalam rantai bekalan • pelan untuk projek penambahbaikan berterusan (iaitu berkenaan sisa, tanah, dll.), jika ada.	C2.1 E Sebuah pelan pengurusan kumpulan tersedia, yang merangkumi: • pelan latihan/pembinaan keupayaan untuk meningkatkan produktiviti ahli- ahli kumpulan • sebuah pendekatan untuk memperkuatkan hubungan di dalam rantai bekalan • pelan untuk projek projek penambahbaikan berterusan (iaitu berkenaan sisa, tanah, dsb.), jika ada	C2.1 MS A Pelan pengurusan kumpulan dilaksanakan dan disemak sekurang- kurangnya setiap tahun.	C2.1 MS A Pelan pengurusan kumpulan dilaksanakan dan dikaji semula sekurang-kurangnya secara tahunan.	C2.1 MS B Kumpulan menunjukkan pelaksanaan aktiviti pelan pengurusan oleh ahli- ahlinya.	C2.1 MS B Pengurus kumpulan membuktikan pematuhan kumpulan dengan Standard ISH ini.

D - ICS: Sistem perdagangan kumpulan bagi volum yang diperakui

Kriteria		Penunjuk					
(Draf 2)	(ISH 2019)	Peringkat Kelayakan (E) (Draf 2)	Peringkat Kelayakan (E) (ISH 2019)	Peringkat Penting A (MS A) (Draf 2)	Peringkat Penting A (MS A) (ISH 2019)	Peringkat Penting B (MS B) (Draf 2)	Peringkat Penting B (MS B) (ISH 2019)
D1 Kumpulan mempunyai prosedur dan sistem yang sudah tersedia bagi penjejakan FFB.	D1 Kumpulan mempunyai prosedur dan sistem untuk mengesan FFB.	D1.1. E Terdapat prosedur dan rekod yang disimpan untuk menjejaki pengeluaran dan jualan tahunan volum yang diperakui, meliputi kebolehsasaran pengeluaran dan/atau pedagang yang tersedia.	D1.1 E Lembaran rekod untuk mengesan pengeluaran dan penjualan tahunan isi padu diperakui tersedia, yang merangkumi kebolehsasaran pengeluaran dan/atau pedagang	D1.1 MS A Pengurus kumpulan menyimpan rekod pengeluaran dan jualan tahunan volum yang diperakui.	D1.1 MS A Pengurus kumpulan mengekalkan rekod pengeluaran tahunan dan penjualan isi padu diperakui.	D1.1 MS B Pengurus kumpulan menyimpan rekod pengeluaran tahunan dan jualan volum yang diperakui bagi semua sumber FFB.	D1.1 MS B Pengurus kumpulan mengekalkan rekod pengeluaran tahunan dan penjualan isi padu diperakui untuk semua sumber FFB.

D2 Kumpulan mendokumentasikan dan melaksanakan sistem penjejak FFB.	D2 Kumpulan mendokumentasikan dan melaksanakan sistem untuk mengesan FFB.	D2.1 E Tidak Terpakai	D2.1 E Tidak berkaitan.	D2.1 MS A Pengurus kumpulan menyimpan data pengeluaran dan jualan tahunan volum yang diperakui melalui sistem Tempah dan Tuntut (B&C) bagi kumpulan berdasarkan resit asal dan jualan oleh semua ahli.	D2.1 MS A Pengurus kumpulan mengekalkan data pengeluaran tahunan dan penjualan isi padu diperakui melalui Tempah dan Tuntut (BC) untuk kumpulan berdasarkan resit sebenar untuk, dan penjualan oleh, semua ahli.	D2.1 MS B Pengurus kumpulan menyimpan data pengeluaran dan jualan tahunan volum yang diperakui secara fizikal atau melalui Tempah dan Tuntut (B&C) bagi kumpulan berdasarkan resit asal dan jualan bagi semua ahli serta 100% bagi semua volum yang diperakui.	D2.1 MS B Pengurus kumpulan mengekalkan data pengeluaran tahunan dan jualan isi padu diperakui melalui fizikal atau Tempah dan Tuntut (BC) untuk kumpulan berdasarkan resit sebenar dan penjualan untuk semua ahli serta 100% isi padu diperakui.
D3 Kumpulan mempunyai prosedur dan sistem bagi pengagihan premium.	D3 Kumpulan mempunyai prosedur dan sistem untuk pendedaran premium.	D3.1 E Kumpulan dan pengurus kumpulan bersetuju tentang cara premium perlu digunakan dan perjanjian tersebut direkodkan dan dimaklumkan kepada ahli kumpulan. Harga, premium dan masa pembayaran premium dimaklumkan dengan jelas dan telus kepada semua ahli kumpulan. Premium yang dibayar kepada ahli pada semua peringkat direkodkan dan premium dibayar tepat pada masanya dan dengan cara yang sesuai.	D3.1 E Kumpulan dan pengurus kumpulan telah mencapai persetujuan tentang bagaimana premium harus digunakan dan persetujuan tersebut dicatatkan dan dimaklumkan kepada semua ahli kumpulan. Harga, premium dan waktu pembayaran premium dimaklumkan dengan jelas dan telus kepada semua ahli kumpulan. Premium yang dibayar kepada ahli-ahli di semua peringkat dicatatkan dan premium dibayar dengan cara yang mudah dan tepat pada waktunya.	D3.1 MS A Pembayaran premium, termasuk harga dan masa pembayaran kepada ahli kumpulan direkodkan dengan jelas.	D3.1 MS A Pembayaran premium, termasuk harga dan waktu pembayaran premium, kepada ahli kumpulan dicatatkan dengan jelas.	D3.1 MS B Sama seperti Peringkat Penting A (MS A)	D3.1 MS B Tidak berkaitan

Istilah	Definisi	Sumber
Komuniti Terjejas	Semua Komuniti yang mungkin terjejas secara langsung dan dengan ketara oleh pembangunan yang dicadangkan, iaitu mereka dengan pegangan tanah dan hak pengguna lain, dalam kawasan yang terjejas, mesti disertakan dalam proses penilaian dan proses FPIC. Komuniti lain yang hanya mungkin terjejas secara tidak langsung, contohnya oleh perubahan jangka panjang yang mungkin berlaku pada peruntukan perkhidmatan ekosistem akibat penggunaan air dalam operasi, juga perlu diambil kira.	Panduan Persetujuan Bebas, Terdahulu dan Termaklum (FPIC) RSPO 2022
Perjanjian	Suatu aturan (lazimnya tidak rasmi) antara dua pihak atau lebih yang tidak dikuatkuasakan oleh undang-undang.	RSPO P&C 2023
Kanak-kanak	Istilah kanak-kanak terpakai pada semua individu di bawah usia 18 tahun.	Konvensyen Usia Minimum ILO, 1973 (No. 138) Konvensyen Bentuk Terburuk Buruh Kanak-kanak, 1999 (No. 182)
Buruh kanak-kanak	Buruh kanak-kanak adalah kerja yang merampas zaman kanak-kanak, potensi dan maruah seorang kanak-kanak, dan memudaratkan perkembangan fizikal dan mental mereka. Istilah ini terpakai pada: <ul style="list-style-type: none"> • Semua kanak-kanak di bawah usia 18 tahun yang terlibat dalam “bentuk terburuk buruh kanak-kanak” (berdasarkan Konvensyen ILO No. 182) • Semua kanak-kanak di bawah usia 12 tahun yang mengambil bahagian dalam aktiviti ekonomi; dan • Semua kanak-kanak berusia 13 hingga 15 tahun yang terlibat dalam kerja yang lebih daripada kerja ringan. ILO mentakrifkan kerja ringan sebagai kerja yang tidak berkemungkinan memudaratkan kesihatan atau perkembangan kanak-kanak dan tidak berkemungkinan menjejaskan kehadiran mereka di sekolah atau latihan vokasional. <p>Mereka yang di bawah usia 18 tahun tidak sepatutnya terlibat dalam kerja berbahaya yang boleh menjejaskan fizikal, mental atau kesejahteraan moral mereka, sama ada kerana sifat ataupun keadaan yang diperlukan untuk melaksanakan kerja itu. Bagi pekerja muda di atas usia minimum yang sah tetapi di bawah umur 18 tahun, hendaklah ada had untuk jam bekerja dan kerja lebih masa; bekerja di tempat tinggi dan berbahaya; dengan mesin, kelengkapan dan alat yang berbahaya; mengangkut muatan berat; pendedahan terhadap bahan atau proses berbahaya; dan keadaan sukar seperti kerja pada waktu malam.</p>	Konvensyen Usia Minimum ILO, 1973 (No. 138)
Komuniti	Komuniti merujuk pada Orang Asal, Orang Asli, Komuniti Tempatan (termasuk wanita, kanak-kanak, dan orang kurang upaya), orang tersingkir, migran, dan pengguna tanah yang lain.	RSPO P&C 2018
Kebun keluarga	Kebun yang dikendalikan dan kebanyakannya dimiliki oleh sebuah keluarga, untuk penanaman kelapa sawit, kadangkala bersama dengan pengeluaran tanaman sara diri yang lain, dan keluarga tersebut menyediakan buruh yang digunakan. Kebun sedemikian menyumbangkan sumber pendapatan utama, dan kawasan yang ditanami kelapa sawit adalah di bawah 50 hektar luasnya. Kerja oleh kanak-kanak boleh diterima di kebun keluarga, dengan penyeliaan orang dewasa; apabila tidak mengganggu program pendidikan; apabila kanak-kanak itu merupakan sebahagian daripada keluarga dan apabila mereka tidak terdedah kepada keadaan kerja yang berbahaya.	P&C 2013
Penggantian kontrak	Amalan menggantikan atau mengubah syarat pekerjaan yang telah dipersetujui pada asalnya oleh pekerja, sama ada secara bertulis atau secara lisan, yang mengakibatkan keadaan lebih teruk atau manfaat yang kurang. Perubahan kepada perjanjian atau kontrak pekerjaan dilarang kecuali perubahan ini dibuat untuk memenuhi undang-undang tempatan dan memberikan syarat yang sama atau lebih baik.	Laporan ILO kepada Jawatankuasa penyemak dakuwaan ketidakpatuhan oleh Qatar berkenaan Buruh Paksa
Pekerja kontrak	Pekerja kontrak merujuk pada individu yang terlibat dalam kerja sementara, atau kerja untuk tempoh waktu tertentu. Ini juga merujuk pada pekerja yang tidak diambil secara langsung oleh syarikat, tetapi diambil bekerja oleh kontraktor atau perunding yang mempunyai kontrak langsung dengan syarikat.	ILO, Bentuk Pekerjaan Tidak Standard
Ikatan hutang	Ikatan hutang bermaksud kerja sebagai bayaran kepada hutang. Ikatan hutang juga dikenali sebagai buruh terikat atau perhambaan hutang, iaitu apabila pekerja diberitahu bahawa mereka boleh membayar hutang mereka sendiri atau hutang ahli keluarga dengan bekerja untuk membayarnya. Ikatan hutang wujud apabila pekerja (kadangkala dengan keluarga mereka) dipaksa bekerja untuk seorang majikan demi membayar balik hutang mereka sendiri atau hutang yang mereka warisi.	Rangkaian Perniagaan Global ILO tentang Buruh Paksa/ Lihat juga https://www.ilo.org/empent/areas/business-helpdesk/WCMS_DOC_ENT_HLP_FL_EN/lang-en/index.htm
Pembasmian hutan	Kehilangan hutan semula jadi akibat daripada: <ol style="list-style-type: none"> penukaran kepada pertanian atau penggunaan tanah bukan hutan yang lain; penukaran kepada hutan ladang; atau iii) kemerosotan yang teruk dan berterusan. 	Draf Inisiatif Rangka Kerja Kebertanggungjawaban (AFI) (Julai 2018). Rujuk definisi AFI yang terkini.
Pembangunan	Pembangunan bermaksud aktiviti yang mengganggu tanah, pembangunan struktur (pembinaan, pemasangan atau peluasan bangunan atau struktur lain), dan/atau penciptaan permukaan kalis air pada tapak yang belum dibangunkan sebelumnya, untuk tujuan pengeluaran minyak sawit.	P&C 2023
Diskriminasi	Sebarang pembezaan, pengecualian atau pengutamaan yang dibuat berdasarkan kaum, warna kulit, jantina, agama, pendapat politik, keturunan atau asal usul sosial, yang mempunyai kesan membatalkan atau merosakkan kesamaan peluang atau layanan dalam pekerjaan atau jawatan; Pembezaan, pengecualian atau pengutamaan sedemikian yang lain yang mempunyai kesan membatalkan atau merosakkan kesamaan peluang atau layanan dalam pekerjaan atau jawatan seperti yang mungkin ditentukan oleh Ahli yang terlibat selepas rundingan dengan wakil majikan dan organisasi pekerja, sekiranya yang sedemikian wujud, dan dengan badan-badan lain yang wajar.	Suruhanjaya Tinggi Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Konvensyen Diskriminasi (Pekerjaan dan Jawatan), 1958 (No. 111)

Istilah	Definisi	Sumber
Buruh paksa	Semua kerja atau perkhidmatan yang dituntut daripada mana-mana individu di bawah ancaman apa-apa hukuman dan yang tidak ditawarkan secara sukarela oleh individu tersebut. Definisi ini mengandungi tiga elemen: 1. Kerja atau perkhidmatan merujuk pada semua jenis kerja yang dijalankan dalam mana-mana aktiviti, industri atau sektor termasuk dalam ekonomi tidak formal. 2. Ancaman apa-apa hukuman merujuk pada pelbagai jenis hukuman yang digunakan untuk memaksa seseorang supaya bekerja. 3. Tidak secara sukarela: Istilah “ditawarkan secara sukarela” merujuk pada persetujuan bebas dan termaklum seorang pekerja untuk menerima sesuatu kerja dan kebebasannya untuk meninggalkan kerja itu pada bila-bila masa. Ini termasuk apabila majikan atau perekrut membuat janji palsu supaya pekerja menerima kerja yang sebaliknya tidak akan diterima oleh pekerja itu.	Definisi Buruh Paksa ILO ILO, Konvensyen Buruh Paksa, 1930 (No. 29) ILO, Protokol 2014 kepada Konvensyen Buruh Paksa, 1930 (P029) ILO, Konvensyen Penghapusan Buruh Paksa, 1957 (No. 105) ILO, Saranan Buruh Paksa 2014 (No. 203)
Pengurus kumpulan	Individu, kumpulan individu atau organisasi yang bertanggungjawab bagi menjalankan sistem kawalan dalaman dan menguruskan kumpulan tersebut. Pengurus kumpulan boleh jadi sebuah kilang, organisasi atau seorang individu.	Standard ISH RSPO 2019
Kerja berbahaya	Kerja berbahaya adalah kerja yang dijalankan dalam keadaan berbahaya; atau “dalam sektor dan pekerjaan yang paling berbahaya, seperti pertanian, pembinaan, perlombongan, atau pemecahan kapal, atau apabila hubungan atau keadaan pekerjaan mewujudkan risiko tertentu, seperti pendedahan kepada agen berbahaya, seperti bahan kimia atau radiasi, atau dalam ekonomi tidak formal.” (https://www.ilo.org/safework/areasofwork/hazardouswork/lang--en/index.htm) Kerja berbahaya juga ditakrifkan sebagai “apa-apa kerja yang berkemungkinan menjejaskan kesihatan fizikal, mental atau moral, keselamatan atau moral kanak-kanak” dan yang “tidak boleh dilakukan oleh sesiapa sahaja di bawah umur 18 tahun.” (https://www.ilo.org/ipecc/facts/ILOconventionsonchildlabour/lang--en/index.htm)”	Artikel 3 (d) Konvensyen ILO berkenaan Larangan dan Tindakan Segera untuk Penghapusan Bentuk Terburuk Buruh Kanak-kanak, 1999 (No. 182)
Hutan Stok Karbon Tinggi	Hutan yang telah dikenal pasti menggunakan Kit Alat Pendekatan Stok Karbon Tinggi (HCSA)	Tapak web HCSA www.highcarbonstock.org
Kawasan Nilai Pemuliharaan Tinggi (HCV):	Kawasan yang perlu untuk mengekalkan atau meningkatkan satu atau lebih Nilai Pemuliharaan Tinggi (HCV): HCV 1 – Kepelbagaian spesies; Penumpuan kepelbagaian biologi termasuk spesies endemik, dan spesies nadir, terancam atau dalam bahaya (RTE), yang signifikan pada peringkat global, rantau atau nasional. HCV 2 - Ekosistem aras landskap, ekosistem mozek dan Landskap Hutan Utuh (IFL); Ekosistem aras landskap besar, ekosistem mozek dan IFL yang signifikan pada tahap global, rantau atau nasional, dan ekosistem yang mengandungi populasi yang berdaya maju sebagai majoriti terbesar meliputi spesies yang hidup secara semula jadi dalam corak pengagihan dan kelimpahan semula jadi. HCV 3 – Ekosistem dan habitat; ekosistem RTE, habitat atau refugia. HCV 4 – Perkhidmatan ekosistem; Perkhidmatan ekosistem asas dalam situasi kritikal, termasuk perlindungan tadahan air dan kawalan hakisan tanah rapuh dan cerun. HCV 5 – Keperluan komuniti; Tapak dan sumber sangat penting bagi memuaskan keperluan asas komuniti tempatan atau orang asal (untuk mata pencarian, kesihatan, pemakanan, air, dsb.), dikenal pasti melalui penglibatan dengan komuniti-komuniti ini atau orang asal. HCV 6 – Nilai budaya; Tapak, sumber, habitat dan landskap yang penting dari segi budaya, arkeologi atau sejarah pada tahap global atau negara, dan/atau yang amat penting dari segi budaya, ekologi, ekonomi atau agama/ibadat bagi budaya tradisi komuniti tempatan atau orang asal, dikenal pasti melalui penglibatan dengan komuniti tempatan atau orang asal ini.	Panduan Bersama Rangkaian Sumber Nilai Pemuliharaan Tinggi (HCVRN) untuk Pengenalpastian HCV 2017.
Orang Asal	Istilah “Orang Asal” digunakan secara generik untuk merujuk pada sesebuah kumpulan sosial dan budaya yang tersendiri serta rentan, yang mempunyai ciri-ciri yang berikut dalam tahap yang berbeza: (a) pengenalan sendiri sebagai ahli sesebuah kumpulan budaya pribumi yang tersendiri dan pengiktirafan identiti ini oleh orang lain; (b) ikatan bersama kepada habitat yang nyata berbeza dari segi geografi ataupun wilayah leluhur dalam kawasan projek tersebut dan kepada sumber asli dalam habitat dan wilayah ini; (c) institusi budaya, ekonomi, sosial atau politik yang pada adatnya berasingan daripada masyarakat dan budaya dominan; dan (d) bahasa pribumi, lazimnya berbeza daripada bahasa rasmi negara atau rantau tersebut.	Manual Operasi Bank Dunia 4.10
Pelan Pengurusan Bersepadu (IMP)	Pelan Pengurusan Bersepadu yang terdiri daripada satu set langkah mitigasi, pemantauan serta langkah-langkah institusi yang diselenggarakan dan perlu diambil semasa pelaksanaan dan operasi untuk menghapuskan kesan buruk kepada alam sekitar dan sosial, mengimbangi kesan tersebut atau mengurangkannya ke tahap yang boleh diterima. Tujuan IMP adalah untuk memaksimumkan hasil ekonomi dan kebajikan sosial dengan cara yang saksama tanpa menjejaskan kelestarian ekosistem.	P&C 2023
Sistem Kawalan Dalaman (ICS)	Satu set peraturan, dasar, dan prosedur yang dilaksanakan oleh sebuah organisasi untuk memberikan hala tuju, meningkatkan kecekapan dan mengukuhkan pematuhan kepada dasar bagi menguruskan sebuah kumpulan.	Standard ISH RSPO 2019
Pembersihan tanah	Penukaran kegunaan tanah daripada suatu kegunaan kepada yang lain. Pembersihan ladang kelapa sawit yang diuruskan secara aktif untuk menanam semula kelapa sawit tidak dianggap sebagai pembersihan tanah. Dalam unit diperakui yang sedia ada, pembersihan tanah yang kurang daripada 10 hektar tidak dianggap sebagai pembersihan tanah baharu.	Semakan P&C 2018

Istilah	Definisi	Sumber
Mata pencarian	<p>Cara seseorang atau sesebuah kumpulan mencari rezeki, daripada alam sekitar atau dalam ekonomi, termasuk cara mereka menyara keperluan asas mereka dan memastikan diri mereka serta generasi seterusnya mempunyai akses kepada makanan, air bersih, kesihatan, pendidikan, perumahan dan bahan yang diperlukan untuk hidup dan kesejahteraan mereka sama ada melalui penggunaan langsung mereka sendiri ke atas sumber asli atau melalui pertukaran, barter, perdagangan atau penglibatan dalam pasaran.</p> <p>Mata pencarian termasuk bukan sahaja akses kepada sumber tetapi juga pengetahuan dan institusi yang membolehkan ini berlaku seperti masa untuk penyertaan dan penyepaduan komuniti, pengetahuan, kemahiran, kurniaan dan amalan persendirian, tempatan atau tradisi, aset yang intrinsik kepada cara mencari rezeki tersebut (cth. kebun, ladang, padang rumput, tanaman, ternakan, sumber asli, peralatan, mesin dan harta budaya tidak ketara) serta kedudukan mereka dalam fabrik undang-undang, politik dan sosial masyarakat.</p> <p>Risiko kegagalan memperoleh mata pencarian menentukan tahap kerentanan seseorang atau kumpulan terhadap pendapatan, makanan, kesihatan dan jaminan pemakanan. Oleh itu, mata pencarian adalah terjamin apabila mereka mempunyai pemilikan, atau akses kepada sumber dan aktiviti perolehan pendapatan yang terjamin, termasuk rizab dan aset, untuk mengimbangi risiko, mengurangkan kejutan dan menghadapi hal-hal di luar jangkaan.</p> <p>(Disusun daripada pelbagai definisi mata pencarian daripada Jabatan Pembangunan Antarabangsa (DfID), Institut Kajian Pembangunan (IDS) dan FAO dan teks akademik daripada: http://www.fao.org/docrep/X0051T/X0051t05.htm).</p>	P&C 2013
Komuniti Tempatan	Merujuk kepada komuniti di tempat tertentu yang penduduk tempatannya berkongsi keseimbangan bersama tentang kemudahan, perkhidmatan dan alam sekitar setempat, dan yang kadangkala mungkin menyimpang daripada definisi yang biasa ataupun definisi Negara. Umumnya, masyarakat tempatan meletakkan makna tertentu kepada tanah dan sumber semula jadi sebagai sumber budaya, adat resam, sejarah dan identiti, serta bergantung kepada semua aspek ini untuk mengekalkan mata pencarian, pembentukan sosial, budaya dan tradisi, kepercayaan, alam sekitar serta ekologi mereka.	Persetujuan Bebas, Terdahulu dan Termaklum (FPIC) RSPO 2022
Undang-undang negara	Peraturan atau kumpulan peraturan yang mengikat yang ditetapkan oleh kerajaan negara berdaulat yang memegang kuasa di seluruh rantau dan wilayah dalam jajahan kerajaan tersebut. Dalam konteks undang-undang antarabangsa, Negara yang menjadi satu pihak kepada perjanjian antarabangsa mestilah memastikan bahawa undang-undang dan amalan negaranya sendiri adalah selaras dengan apa yang dikehendaki oleh perjanjian itu. Undang-undang negara termasuk perundangan subsidiari, peraturan, undang-undang kecil, peraturan, perintah yang dikeluarkan oleh kerajaan.	Program Alam Sekitar PBB https://leap.unep.org/knowledge/glossary/national-law
Penanaman baharu	Penanaman yang dirancang atau dicadangkan di atas tanah yang belum pernah ditanam dengan kelapa sawit.	NPP 2015
Kerja yang tidak berbahaya	Sila lihat takrifan kerja berbahaya	
Kawasan pemuliharaan lain	Kawasan (sebagai tambahan kepada HCV, hutan HCS dan kawasan pemuliharaan tanah gambut) yang dikehendaki supaya dipelihara oleh P&C RSPO (seperti kawasan riparian dan lereng curam) dan kawasan lain yang ditetapkan oleh unit pensijilan.	Semakan P&C 2018
Pemetaan Penyertaan	Proses pemetaan untuk menunjukkan kaitan antara tanah dan komuniti. Proses ini dilakukan secara bersama oleh Unit Pensijilan dan Komuniti.	Amalan Baik dalam Penyertaan Pemetaan oleh Dana Antarabangsa untuk Pembangunan Pertanian (IFAD) 2009
Gambut	Tanah dengan lapisan organik terkumpul yang membentuk lebih separuh daripada 80 cm atau 100 cm bahagian atas permukaan tanah dan mengandungi 35% atau lebih jirim organik (35% atau lebih Kehilangan semasa Penyalaan) atau 18% atau lebih karbon organik. Perhatian untuk pengurusan ladang sedia ada di Malaysia dan Indonesia, definisi yang lebih sempit telah digunakan, berdasarkan peraturan kebangsaan: iaitu tanah dengan lapisan organik yang lebih 50% daripada 100 cm bahagian atasnya mengandungi lebih daripada 65% jirim organik.	PLWG2 Julai 2018 Diterbitkan daripada definisi FAO dan USDA untuk histosol (tanah organik) (FAO 1998, 2006/7; USDA 2014)
Racun perosak	Bahan atau campuran bahan yang bertujuan untuk mencegah, memusnahkan, menghalau atau mengurangkan sebarang makhluk perosak. Racun perosak dikategorikan kepada empat bahan kimia pengganti: racun herba; racun kulat; racun serangga dan racun bakteria.	P&C 2013
Pelan	Skim, program, atau kaedah yang terikat masa dan terperinci untuk mencapai objektif dan hasil yang diinginkan. Pelan mestilah mempunyai sasaran yang jelas dengan garis masa untuk penyampaian, tindakan yang akan diambil dan proses untuk memantau kemajuan, menyesuaikan pelan mengikut perubahan keadaan dan pelaporan. Pelan juga mestilah disertakan dengan pengenalan individu atau jawatan tertentu yang bertanggungjawab bagi penyampaian pelan tersebut. Perlu ada bukti bahawa sumber yang mencukupi tersedia untuk melaksanakan pelan dan pelan itu dilaksanakan sepenuhnya.	P&C 2013
Spesies nadir, terancam atau dalam bahaya (RTE)	Spesies seperti yang ditakrifkan oleh Rangkaian Sumber Nilai Pemuliharaan Tinggi (HCVRN).	Panduan Bersama HCVRN bagi Pengenalpastian HCV
Penanaman semula	Pembersihan ladang kelapa sawit yang diuruskan secara aktif untuk menanam semula kelapa sawit.	RSPO P&C 2023
Hak	<p>Hak adalah prinsip kebebasan atau kelayakan dari segi undang-undang, sosial atau etika, mengikut Rang Undang-undang Hak Asasi Antarabangsa, dan instrumen hak asasi manusia antarabangsa lain yang relevan termasuk Deklarasi PBB tentang Orang Asal, Prinsip Panduan PBB mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia, Perjanjian Global untuk Migrasi Selamat, Teratur dan Tetap.</p> <ol style="list-style-type: none"> Hak adat: Corak penggunaan tanah dan sumber oleh komuniti sejak sekian lama mengikut undang-undang adat, nilai, adat dan tradisi orang asal, termasuk penggunaan bermusim atau berkitar berbanding pemilikan rasmi sah terhadap tanah dan sumber yang dikeluarkan oleh Kerajaan. Hak undang-undang: Hak yang diberikan kepada individu, entiti dan pihak lain melalui undang-undang dan peraturan yang berkenaan di peringkat tempatan, negara, atau yang disahkan di peringkat antarabangsa. Hak pengguna: Hak bagi penggunaan tanah dan sumber yang boleh ditakrifkan oleh adat resam tempatan, perjanjian bersama, atau yang ditentukan oleh entiti lain yang memegang hak akses. Hak yang digambarkan: Orang asal, komuniti tempatan dan pengguna boleh mempunyai hak rasmi atau hak adat terhadap tanah yang tidak didaftarkan atau diperakui oleh kerajaan atau undang-undang negara. Hak yang digambarkan dibezakan daripada tuntutan palsu dengan penglibatan langsung dengan komuniti tempatan, supaya mereka mempunyai peluang yang cukup untuk menjustifikasi tuntutan mereka, dan boleh dipastikan dengan cara terbaik melalui pemetaan penyertaan dengan penglibatan komuniti berhampiran. 	Persetujuan Bebas, Terdahulu dan Termaklum (FPIC) RSPO 2022

Istilah	Definisi	Sumber
Riparian	Istilah riparian digunakan untuk merujuk kepada tanah yang terletak bersebelahan dengan tasik semula jadi, serta anak sungai dan sungai, walaupun sungai lebih kerap ditemukan dalam konsesi kelapa sawit.	Manual RSPO untuk Pengurusan dan Pemuliharaan Rizab Riparian 2018
Penilaian risiko	Proses sistematik untuk mengenal pasti dan menilai potensi risiko yang mungkin terlibat dalam suatu aktiviti atau usaha yang diunjurkan. Penilaian ini membolehkan pertimbangan sama ada langkah berjaga-jaga yang tersedia sudah mencukupi atau sama ada lebih banyak lagi perlu dilakukan untuk mencegah mudarat kepada mereka yang berisiko, termasuk pekerja dan orang awam.	Disesuaikan daripada ILO, 5 langkah panduan untuk majikan, pekerja dan wakil mereka tentang menjalankan penilaian risiko di tempat kerja, 2014
Pekebun kecil	Pekebun yang menanam kelapa sawit, kadangkala berserta dengan pengeluaran tanaman sara diri yang lain, kebun itu memberikan sumber pendapatan utama dan kawasan yang ditanami kelapa sawit itu lazimnya di bawah 50 hektar luasnya. Pekebun Kecil Skim: Pekebun, pemilik tanah atau wakil mereka yang tidak mempunyai: <ul style="list-style-type: none"> • Kuasa membuat keputusan yang boleh dikuatkuasakan terhadap pengendalian tanah dan amalan pengeluaran; dan/atau • Kebebasan untuk memilih cara mereka menggunakan tanah mereka, jenis tanaman untuk ditanam, dan cara mereka menguruskannya (sama ada dan bagaimana mereka menyusun, menguruskan dan membiayai tanah tersebut). Pekebun Kecil Bebas: Semua pekebun kecil yang tidak dipertimbangkan menjadi Pekebun Kecil Skim [lihat definisi Pekebun Kecil Skim] dianggap sebagai Pekebun Kecil Bebas.	RSPO P&C 2023 Standard ISH RSPO 2019 Standard ISH RSPO 2019
Kebun pekebun kecil	Individu atau keluarga (saudara-mara) yang mengusahakan kelapa sawit di atas plot individu atau berbilang plot pekebun kecil, di bawah ambang yang ketika ini ditakrifkan oleh RSPO bagi pekebun kecil.	Standard ISH RSPO 2019
Plot pekebun kecil	Tanah milik pekebun kecil yang ditanami kelapa sawit atau yang diperuntukkan untuk penanaman baharu dengan kelapa sawit atau penanaman semula.	Standard ISH RSPO 2019
Pihak berkepentingan	Individu atau kumpulan dengan kepentingan sah dan/atau yang digambarkan dalam, atau yang mungkin atau mungkin tidak terjejas secara langsung oleh, aktiviti sebuah organisasi dan akibat daripada aktiviti tersebut. Pihak berkepentingan termasuk pembekal, kakitangan dalaman, ahli, Pekerja, Pekebun Kecil, pelanggan (termasuk pemegang saham, pelabur dan pengguna), pengawal selia, Komuniti, pembeli, klien, pemilik dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).	RSPO P&C 2018
Rupa bumi curam	Kawasan di atas 25 darjah atau berdasarkan proses Interpretasi Nasional (NI).	P&C 2013 Tambahan Lampiran 2 Panduan NI
Pedagang	Individu atau perniagaan yang membeli dan menjual Buah Tandan Segar (FFB)	RSPO P&C 2023
Orang asli	Individu dan kumpulan individu yang boleh dikenal pasti atau dicirikan seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> • Orang yang mengakui dirinya sebagai Orang Asli dan diterima sedemikian oleh komuniti mereka • Keadaan sosial, budaya dan ekonomi membezakan mereka daripada bahagian lain dalam komuniti nasional • Status dikawal atur keseluruhannya atau sebahagiannya oleh adat resam atau tradisi mereka sendiri atau oleh undang-undang atau peraturan khas 	RSPO P&C 2023
Unit Pensijilan	Entiti yang menandatangani perjanjian pensijilan dan memegang sijil RSPO. Entiti ini bertanggungjawab bagi pembangunan dan pelaksanaan sistem pengurusan dalaman kumpulan tersebut serta semua sistem pengurusan kebun ahlinya. Pengurusan kumpulan memastikan kebun-kebun ahlinya mematuhi Piawaian tersebut.	Standard ISH RSPO 2019
Kumpulan rentan	Mana-mana kumpulan atau sektor dalam masyarakat yang berada dalam risiko lebih tinggi untuk dikenakan pengasingan sosial, amalan mendiskriminasi, keganasan, bencana alam atau bencana semula jadi, atau kesukaran ekonomi berbanding kumpulan lain, seperti orang asal, etnik minoriti, migran, orang kurang upaya, gelandangan, warga tua terasing, wanita dan kanak-kanak.	Semakan P&C 2018
Laluan air	laluan air ialah saluran semula jadi atau buatan yang melaluinya air mengalir; dan/atau aliran air (seperti sungai, anak air atau anak sungai bawah tanah)	P&C 2023

Istilah	Definisi	Sumber
Pekerja	<p>Individu yang melaksanakan kerja untuk sesebuah organisasi. Individu sedemikian termasuk: pekerja, pekerja tetap, pekerja bermusim, pekerja sementara, pekerja harian, pekerja sambilan dan pekerja kontrak, tanpa mengira kewarganegaraan mereka, jenis migran (migran dalaman atau migran antarabangsa), etnik, agama, keahlian kesatuan sekerja dan jantina.</p> <p>Pekerja tetap sepenuh masa - Pekerja dengan kontrak untuk tempoh yang tidak ditentukan (iaitu kontrak tidak terhad), yang waktu bekerja mingguan, bulanan atau tahunannya ditakrifkan mengikut undang-undang atau amalan negara berhubung dengan masa bekerja.</p> <p>Pekerja harian - Pekerja yang diupah dan dibayar gaji harian, tanpa jaminan bahawa ada lagi kerja tersedia pada masa hadapan</p> <p>Pekerja sementara/ Pekerja bermusim - Pekerja yang diambil bekerja hanya untuk tempoh masa tertentu. Ini termasuklah pekerja kontrak jangka tetap, kontrak berasaskan projek atau tugas, serta pekerja bermusim atau sambilan, termasuk pekerja harian</p> <p>Pekerja sambilan - Pekerja yang diambil bekerja dalam tempoh yang sangat singkat atau sekali-sekala dan sekejap-sekejap, biasanya untuk sejumlah jam, hari atau minggu tertentu, dan dibayar upah mengikut terma perjanjian kerja harian atau berkala tersebut.</p> <p>pekerja yang bekerja di bawah kontrak pekerjaan untuk tempoh masa tertentu atau tugas tertentu; pekerja yang diambil secara sambilan untuk suatu tempoh yang singkat</p> <p>Lihat juga Pekerja Muda seperti yang ditakrifkan di bawah.</p>	RSPO P&C 2023
Pekerja muda	Pekerja muda ialah mereka yang melebihi umur minimum bekerja negara tersebut tetapi di bawah umur 18 tahun	Program Antarabangsa ILO bagi Penghapusan Buruh Kanak-Kanak (IPEC), 2009.

Lampiran 2. Deklarasi Pekebun Kecil

Dengan menandatangani Pengisytiharan Pekebun Kecil ini, saya menegaskan bahawa:

- A. Saya memperakui kepentingan pengeluaran yang lestari.
- B. Saya akan menyertai kumpulan pekebun untuk mendapatkan pensijilan Standard ISH RSPO dan mematuhi prinsip-prinsip serta kriteria dan penunjuk yang berkenaan.
- C. Saya akan memberikan maklumat yang berikut kepada pengurus kumpulan saya:
 - 1. Maklumat terperinci tentang semua pemegangan tanah
 - 2. Lokasi (koordinat) semua plot yang ketika ini ditanam dengan kelapa sawit
 - 3. Maklumat tentang semua plot yang diubah dan ditanam dengan kelapa sawit selepas 2005 (melalui penggunaan pendekatan gabungan HCV-HSC yang diringkaskan untuk Pekebun Kecil)
 - 4. Mana-mana plot yang terletak di atas rupa bumi curam
 - 5. Mana-mana plot yang terletak di atas tanah gambut
 - 6. Mana-mana plot yang terletak di atas riparian
 - 7. Butiran tentang rancangan untuk penanaman semula dan peluasan kelapa sawit
 - 8. Sebarang pertikaian tanah yang sedang berlaku
 - 9. Status pemilikan dan penggunaan tanah
 - 10. Sumber buruh kebun
- D. Saya komited kepada perkara yang berikut:
 - 1. Terus berkembang maju sejajar dengan standard tersebut dan mematuhi jadual perkembangan yang dikehendaki
 - 2. Melibatkan diri dalam latihan seperti yang dikehendaki dan menyertai kumpulan secara aktif
 - 3. Memastikan tiada buruh paksa dalam operasi kebun dan menamatkan sebarang penggunaan buruh paksa yang sedia ada.
 - 4. Membayar upah mengikut had minimum negara
 - 5. Menghormati hak-hak pekerja untuk memfailkan aduan
 - 6. Menyediakan persekitaran dan kemudahan kerja yang selamat
 - 7. Tiada diskriminasi, gangguan atau penderaan di kebun
 - 8. Memastikan tiada buruh kanak-kanak dalam operasi kebun dan menamatkan sebarang penggunaan buruh kanak-kanak yang sedia ada
 - 9. Tidak membersihkan atau memperoleh tanah daripada orang asal, komuniti tempatan atau pengguna lain tanpa persetujuan bebas, awal dan termaklum (FPIC) mereka, berdasarkan pendekatan FPIC yang diringkaskan
 - 10. Menyelesaikan sebarang pertikaian yang sedang berlaku
 - 11. Tiada penanaman baharu atau peluasan kebun sedia ada di hutan primer, kawasan HCV, hutan HCS, kawasan riparian, atau di atas rupa bumi curam (lebih daripada 25 darjah atau seperti dalam Interpretasi Nasional)
 - 12. Melindungi hutan HCV dan HCS melalui pendekatan amalan langkah berjaga-jaga

13. Tiada penanaman baharu di atas tanah gambut dan penanaman semula di atas tanah gambut hanya dalam kawasan yang berisiko rendah berlaku banjir dan penerobosan air garam
14. Menggunakan amalan pengurusan terbaik bagi kelapa sawit di atas tanah gambut
15. Tiada pembakaran untuk penyediaan tanah atau kawalan makhluk perosak
16. Meminimumkan dan mengawal hakisan.

Manfaat Pekebun Kecil

Dengan menerapkan amalan perkebunan lestari dan mematuhi Standard ISH RSPO ini, saya memahami bahawa saya akan mempunyai:

- (i) Pengetahuan dalam cara untuk mengoptimumkan produktiviti dan hasil dengan melaksanakan amalan pertanian yang baik dan lestari sepertimana latihan yang telah saya terima;
- (ii) Pengetahuan tentang cara untuk mengurus niaga dan turut serta dalam pasaran bagi minyak kelapa sawit lestari dan menguruskan kebun saya secara profesional dan berjaya mencapai kelestarian kewangan;
- (iii) Struktur serta agensi untuk berjaya mengambil langkah-langkah yang perlu ke arah memperoleh mata pencarian yang lestari untuk keluarga saya dan komuniti saya.

Saya memperakui bahawa saya akan mendapat akses kepada sokongan teknikal dan sokongan kewangan serta akses kepada perdagangan dalam pasaran bagi minyak kelapa sawit lestari yang ditawarkan oleh RSPO dan ahli-ahlinya, untuk membolehkan saya merealisasikan manfaat amalan perkebunan lestari.